KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

Pelan Strategik
PLANMALAYSIA
2026-2030





Pelan Strategik

PLANMALAYSIA

2026-2030

ISI KANDUNGAN

PRAKATA

Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa 4

PENDAHULUAN 6

LATAR BELAKANG 9

Kronologi Penubuhan 12
Fungsi Jabatan 14
Punca Kuasa 15
Hierarki Perancangan 23
Dokumen Dasar dan Pelan Strategik Negara 24
Dasar Strategik, Rancangan Pemajuan dan Garis Panduan 25
Arahan dan Pekeliling 28
Carta Organisasi 29
Pemegang Taruh 30
Rakan Strategik 31
Analisis Persekitaran dan Cabaran 33
Membangunkan Malaysia MADANI 36
Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) 38
Nilai M.A.L.A.Y.S.I.A 39
Nilai H.E.M.A.T 40
Agenda Perbandaran Baharu dan Matlamat Pembangunan Mampan 41
Pelan Strategik KPKT 2026-2030 42
7 Bidang Fokus KPKT 43
Pelan Strategik Jabatan 2026-2030 44
17 Inisiatif Utama 45
Hala Tuju Strategik 46
Doktrin Perancangan & Pembangunan Sejagat 47
Gerak Kerja 48
6 Nilai S.U.P.E.R.B 49

TERAS STRATEGIK DAN PELAN TINDAKAN

Teras Strategik 1 51
Teras Strategik 2 59
Teras Strategik 3 67
Teras Strategik 4 74
Teras Strategik 5 82

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN 91

PENUTUP 93

PRAKATA



PRAKATA

Assalamualaikum w.b.t, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam PLANMalaysia Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan Negara.

Alhamdulillah, dengan izin-Nya, Pelan Strategik PLANMalaysia 2026–2030 berjaya dirangka sebagai dokumen hala tuju yang komprehensif dalam memperkukuh peranan perancangan bandar dan desa sebagai teras utama pembangunan negara. Pelan ini digarap secara bersepadu bagi menyokong aspirasi Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2026–2030, khususnya dalam memperkasa tadbir urus perancangan spatial dan guna tanah, mempertingkat kualiti persekitaran hidup serta kesejahteraan komuniti.

Dalam fasa baharu pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) bertemakan "Melakar Semula Pembangunan", pendekatan paradigma kini perlu beranjak daripada penekanan kepada perancangan semata-mata kepada pelaksanaan yang lebih berkesan, berimpak, menyeluruh dan menyantuni rakyat. Sehubungan itu, Pelan Strategik ini disediakan berlandaskan semangat kebersamaan (togetherness) bagi memastikan setiap dasar, pelan dan tindakan yang dirangka dapat diterjemahkan kepada hasil yang nyata dan memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

Perancangan spatial negara perlu terus diperkukuh sebagai ikhtiar instrumen strategik dalam mengimbangi pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar. Selaras dengan itu, Pelan Strategik ini dirangka dengan mengambil kira Rancangan Fizikal Negara Ke-5 (RFN5) dan Dasar Perbandaran Negara Ke-3 (DPN3) sebagai kerangka utama dalam mendampingi pembangunan bandar dan desa yang mampan, inklusif dan berdaya tahan ke arah Malaysia Makmur, Berdaya Tahan dan Sejahtera.

Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, Pelan Strategik ini memberi penekanan kepada nilai Kemampanan, Kesejahteraan dan Ihsan dalam merancang pembangunan negara. Setiap intervensi perancangan perlu dilaksanakan secara inklusif dengan mengambil kira kepelbagaian keperluan rakyat, termasuk aspek keselamatan, keselesaan dan kualiti hidup. Dalam masa yang sama, pendekatan perancangan turut menyokong agenda Ekonomi MADANI melalui pemerkasaan rakyat, pengagihan peluang ekonomi yang lebih saksama serta pengukuhan daya saing bandar dan desa sebagai pemangkin pertumbuhan negara.

Dalam era pendigitalan dan kecerdasan buatan (AI), transformasi perancangan perlu dipacu oleh data, teknologi dan inovasi bagi meningkatkan keberkesanan proses perancangan, pelaksanaan serta pemantauan projek. Sehubungan itu, PLANMalaysia kekal komited untuk memperkukuh pendigitalan sektor perancangan melalui teknologi digital, analitik data dan penyelesaian pintar yang menyokong proses membuat keputusan secara lebih tepat, pantas dan berasaskan bukti. Pendekatan ini turut memperkukuh keupayaan perancangan yang lebih responsif dan bersepadu dalam menghadapi cabaran pembangunan masa hadapan, sekali gus menyokong Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA) ke arah penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berimpak tinggi.

Pelaksanaan Pelan Strategik ini memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan serta pihak berkepentingan. Pendekatan ini penting bagi memastikan setiap perancangan yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan setempat serta memberi impak yang menyeluruh kepada pembangunan negara. Malah perancangan di masa hadapan perlu bersifat "*evidence-based planning*" serta "*future-proof*".

Dalam memastikan keberhasilan Pelan Strategik ini, seluruh warga PLANMalaysia perlu menghayati budaya kerja berprestasi tinggi serta membudayakan pendekatan pelaksanaan strategik melalui Gerak Kerja *'Four Plus One'*.

Saya yakin Pelan Strategik PLANMalaysia 2026–2030 ini akan menjadi asas yang kukuh dalam memacu transformasi PLANMalaysia ke arah sebuah organisasi yang lebih progresif, berprestasi tinggi dan kekal relevan dalam menerajui perancangan bandar dan desa negara.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang idea, kepakaran dan komitmen dalam penyediaan Pelan Strategik ini.

Kitalah PLANMalaysia,
Ke Bukit Sama Didaki,
Ke Lembah Sama Kita Turuni

Sekian, terima kasih.

Datuk TPr Dr. Alias bin Rameli
Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia)



PENDAHULUAN



Pelan Strategik PLANMalaysia 2026–2030 merupakan kesinambungan yang diperkukuh melalui penambahbaikan berbanding Pelan Strategik 2021–2025 (Pindaan 2023), bagi mengambil kira perubahan landskap semasa, hala tuju RMK13 bertemakan "Melakar Semula Pembangunan, yang disokong oleh Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA), aspirasi Malaysia MADANI serta keutamaan strategik yang sejajar dengan Pelan Strategik KPKT 2026–2030.

Evolusi pelan strategik ini mencerminkan anjakan penting daripada pendekatan perancangan yang lebih berfokuskan proses kepada pendekatan yang lebih berpaksikan pelaksanaan, berasaskan data serta berimpak tinggi. Penambahbaikan yang dilaksanakan bukan sahaja melibatkan pengukuhan struktur teras strategik, malah turut memperluas skop strategi dan program bagi memastikan perancangan yang lebih responsif terhadap keperluan semasa serta cabaran masa hadapan.

Pelan Strategik PLANMalaysia 2026–2030, memfokuskan kepada iltizam untuk memperkukuh komitmen PLANMalaysia sebagai peneraju agenda perancangan pembangunan negara, digerakkan melalui 5 teras strategik, 24 strategi dan 70 inisiatif/program.

Pelan ini menekankan pengukuhan tatakelola perancangan yang lebih bersepadu, berorientasikan hasil serta responsif terhadap keperluan semasa, di samping memperkasa ekosistem inovasi, integriti, pembangunan modal insan dan pendigitalan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang lebih pragmatik, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Evolusi Pelan Strategik PLANMalaysia



TEMPOH PERANCANGAN
2012-2020

- 6 | TERAS STRATEGIK
- 21 | STRATEGI
- 88 | PROGRAM



TEMPOH PERANCANGAN
2021-2025

- 5 | TERAS STRATEGIK
- 19 | STRATEGI
- 70 | PROGRAM



TEMPOH PERANCANGAN
2021-2025
(PINDAAN 2023)

- 5 | TERAS STRATEGIK
- 20 | STRATEGI
- 58 | PROGRAM



TEMPOH PERANCANGAN
2026-2030

- 5 | TERAS STRATEGIK
- 24 | STRATEGI
- 70 | INISIATIF/ PROGRAM

PENDAHULUAN

- Penekanan turut diberikan kepada pelaksanaan yang lebih cekap, pantas dan berimpak tinggi selaras dengan usaha memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan awam melalui pelaksanaan Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867]. Pendekatan ini merangkumi pengurangan sehingga 25% beban kawal selia yang tidak relevan serta penambahbaikan proses bagi mengurangkan karenah birokrasi, sekali gus memastikan perkhidmatan Kerajaan yang lebih efektif, adaptif dan berupaya memenuhi ekspektasi rakyat, di samping meningkatkan daya saing negara.

- Selain itu, pelan ini menumpukan kepada pembangunan yang mampan, inklusif dan berdaya tahan melalui pemerkasaan perancangan berasaskan data dan teknologi. Hala tuju ini turut menyokong agenda bandar mampan dan pintar serta kesejahteraan komuniti melalui kerjasama strategik pelbagai pihak dan penyelarasan yang menyeluruh di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan.

- Pelan Strategik ini juga menjadi asas kepada penyediaan Rancangan Korporat Jabatan secara tahunan bagi memastikan pelaksanaan program dan inisiatif dilaksana secara lebih terancang, terukur dan berkesan.

PELAN STRATEGIK PLANMALAYSIA 2026-2030

5 TERAS

1
Memperkukuh Keberkesanan Perancangan Pengurusan Pembangunan Spatial dan Guna Tanah ke Arah Kesejahteraan Rakyat

2
Memperluas dan Memperkasakan Penyelidikan Pembangunan Serta Produk Perancangan Ke Arah Amalan Perancangan Terbaik Bagi Menjamin Kemampanan Negara

3
Memperkasakan Aspek Perundangan Berkaitan Perancangan Bandar dan Desa

4
Memperkukuh Pengurusan Maklumat Perancangan Melalui Transformasi Pendigitalan

5
Memperkukuh Pembangunan Kapasiti Organisasi dan Tadbir Urus Ke Arah Menjayakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam

24 STRATEGI **70 INISIATIF/ PROGRAM**

LATAR BELAKANG













LATAR BELAKANG

- Pada 3 September 1920, Kerajaan British di Tanah Melayu telah mengarahkan Kerajaan Australia Selatan supaya menghantar Charles Compton Reade (Government Town Planner) datang ke Negeri-negeri Melayu Bersekutu untuk memberi nasihat tentang hal ehwal perancangan bandar. Ini menandakan bermulanya aktiviti perancangan bandar dan desa dengan rasminya di Tanah Melayu pada tahun 1921. Pejabat Perancangan Bandar yang pertama adalah di Bangunan Sekretariat Kuala Lumpur (Bangunan Sultan Abdul Samad) yang mula beroperasi pada 18 Januari 1921.

- Charles Compton Reade telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Perancangan dari tahun 1921 hingga 1927, dan dibantu oleh pegawai-pegawai juruukur dan jurutera awam yang dipinjamkan daripada Jabatan Ukur dan Jabatan Kerja Raya. Pegawai tadbir dari Pejabat Tanah juga turut dilibatkan dalam mentadbir aktiviti perancangan semula dan pengagihan lot sebagai *Town Planning Administrator.*

- Antara sumbangan C.C Reade semasa di Tanah Melayu:
  i. Menubuhkan Jabatan Perancang Bandar;
  ii. Mewujudkan *Advisory Town Planning Committee* di Selangor;
  iii. Menggubal Enakmen Perancang Bandar Tahun 1923 (perundangan perancang bandar yang pertama di Tanah Melayu);
  iv. Menubuhkan Pejabat Perancangan Bandar di Negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan; dan
  v. Merancang Bandar Kuala Kubu Baru.

- Aktiviti awal perancangan bandar dan desa pada masa itu termasuklah perancangan semula dan pengagihan lot, perancangan bangunan dan perumahan awam, pelebaran jalan dan pelurusan Sungai Klang. Di antara tahun 1928-1969, beberapa Pesuruhjaya Perancangan telah dilantik.

- Pada tahun 1969, YBhg. Dato' Hj. Mohd Rosli bin Hj. Buyong merupakan anak tempatan pertama dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan telah berkhidmat sehingga tahun 1985.

LATAR BELAKANG

Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, sistem perancangan bandar dan desa di dalam negara dilaksanakan melalui dua (2) peringkat iaitu peringkat persekutuan dan negeri. Tanggungjawab perancangan bandar dan desa disenaraikan di bawah Senarai 3 – Senarai Bersama (Concurrent List) di bawah Jadual Ke-Sembilan, Perlembagaan Persekutuan. Selain itu, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] juga memberi peranan dan tanggungjawab berkaitan perancangan bandar dan desa kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] sebagai pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT).

PLANMalaysia telah berkembang di seluruh negara serta mempunyai pejabat di peringkat negeri di seluruh Semenanjung Malaysia. Selain itu, empat (4) Pejabat Projek Zon telah ditubuhkan bagi memperkukuhkan sistem perancangan mengikut zon seperti berikut:-

i. Utara: Negeri Perlis, Negeri Kedah dan Negeri Pulau Pinang;
ii. Timur: Negeri Kelantan, Negeri Terengganu dan Negeri Pahang;
iii. Tengah: Negeri Perak dan Negeri Selangor; dan
iv. Selatan: Negeri Sembilan, Negeri Melaka dan Negeri Johor.



Bangunan pejabat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di Jalan Cenderasari sebelum berpindah ke Putrajaya



KRONOLOGI PENUBUHAN

SEBELUM MERDEKA

1921	Jabatan Perancang Bandar di Kuala Lumpur (18 Januari 1921)
1923	Enakmen Perancangan Bandar
1925	Penubuhan Cawangan Jabatan Perancangan Bandar di Ipoh (16 Februari 1925)
1941	Semua Pejabat Ditutup semasa Perang Dunia Kedua
1955 -1956	Penubuhan Pejabat-pejabat Wilayah di Johor Bahru, Ipoh dan Pulau Pinang

Imbas Kod QR
Brosur Imbasan Sejarah
JPBD (1921 - 1996)

Imbas Kod QR
Brosur Imbasan Sejarah
JPBD (1921 - 2002)

Imbas Kod QR
Brosur Imbasan Sejarah
JPBD (1921 - 2006)

KRONOLOGI PENUBUHAN

SELEPAS MERDEKA

1958	Penubuhan JPBD Negeri Perak, Johor dan Negeri Selangor
1959	Penubuhan JPBD Negeri Pulau Pinang
1960	Penubuhan JPBD Negeri Pahang
1963	Penubuhan JPBD Negeri Kelantan
1965	Penubuhan JPBD Negeri Kedah
1969	Penubuhan JPBD Negeri Terengganu
1974	Penubuhan Unit Perancangan Bandar-Bandar Baru di Kuantan
1976	Akta Perancangan Bandar dan Desa [Akta 172] telah diterima pakai
1977	Penubuhan JPBD Negeri Melaka
1978	Penubuhan JPBD Negeri Perlis
1981	Unit Landskap ditubuhkan di Ibu Pejabat
1987	Penubuhan Pejabat-Pejabat Cawangan Rancangan Pembangunan di Alor Setar, Kuala Lumpur, Melaka dan Kuantan
1990	Bahagian Penyelarasan dan Pengawasan Taman-Taman Awam ditubuhkan di Ibu Pejabat
1993	Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1993 [Akta A866]
1995	• Akta Perancangan Bandar 1995 [Akta 538] telah diluluskan oleh Parlimen • Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [A933]
2001	Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [Akta A1129]
2017	Penjenamaan Semula JPBD kepada PLANMalaysia
2018	Pertukaran PLANMalaysia dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ke Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP)
2020	• Pertukaran PLANMalaysia daripada KWP ke KPKT semula • Perpindahan pejabat PLANMalaysia dari Jalan Cenderasari ke Putrajaya
2021	100 Tahun Profesion Perancang Bandar di Malaysia
2022	Penjenamaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
2024	Penjenamaan semula Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

FUNGSI JABATAN

Persekutuan

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam semua hal perancangan bandar dan desa;
- Bertindak sebagai urus setia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang ditubuhkan di bawah Akta 172;
- Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang, prosedur perancangan serta kajian penyelidikan dan pembangunan;
- Menterjemahkan dasar-dasar sosial, ekonomi dan alam sekitar negara ke dalam dimensi spatial;
- Memudahcara dan memantau penyediaan dan pelaksanaan rancangan pembangunan di semua peringkat pelaksanaan;
- Mengendalikan, membantu serta menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf termasuk penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Menyelia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negara.

Negeri

- Menasihati Kerajaan Negeri mengenai hal ehwal perancangan bandar dan desa bagi menyelaras pelaksanaan Akta 172 di peringkat negeri;
- Bertindak sebagai urus setia kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) yang ditubuhkan di bawah Akta 172;
- Memudahcara dan memantau pembangunan dalam negeri melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan pemajuan;
- Membantu dalam perancangan projek-projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri;
- Menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan mengenai perancangan bandar dan desa;
- Mengendalikan, membantu serta menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf termasuk penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Menyedia dan menyelaras pangkalan data guna tanah negeri.

Tempatan

- Merancang, menyelaras dan mengawal penggunaan dan pemajuan tanah dan bangunan dalam kawasan PBPT;
- Memudahcara dan memantau pembangunan dalam kawasan PBPT melalui pelaksanaan dan kawal selia rancangan pemajuan;
- Mengendalikan, membantu serta menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf termasuk penerbitan lain yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Melaksanakan tugas-tugas lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau JPN dari semasa ke semasa.


Punca kuasa perundangan bagi aktiviti perancangan bandar dan desa adalah daripada Akta 172 yang digubal menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan. PLANMalaysia memainkan peranan utama dalam memberi nasihat kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan bertanggungjawab kepada Parlimen dalam semua hal yang berkaitan perancangan bandar dan desa di seluruh negara.

AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 [AKTA 172]

Akta 172 mendapat perkenan Diraja pada 16 Mac 1976 dan diwartakan pada 25 Mac 1976.

Walau bagaimanapun, pemakaian akta ini di negeri-negeri hanya boleh dibuat pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan dengan persetujuan Menteri.

Akta ini digubal bagi pengawalan dan pengawalseliaan mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia.



Imbas Kod QR
Akta 172

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1993 [Akta A866]



Pada tahun 1993, Akta 172 dipinda untuk memasukkan peruntukan berhubung dengan aktiviti pembetungan agar ianya selaras dengan Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 [Akta 508] yang digubal pada tahun yang sama. Pindaan akta ini dikenali sebagai Akta A866.

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1995 [Akta A933]



Pada tahun 1995, pindaan Akta 172 dibuat bagi menangani kelemahan yang wujud akibat pembangunan yang mengabaikan pemeliharaan alam sekitar khususnya yang berkaitan dengan perintah pemeliharaan pokok. Keseluruhan peruntukan berkaitan dengan perintah pemeliharaan pokok ini dapat dilihat di Bahagian VA bermula daripada Seksyen 35A hingga 35H Akta 172.

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2001 [Akta A1129]



Pindaan pada tahun 2001 dibuat bagi menangani masalah yang timbul khususnya dalam sektor hartanah dan mewujudkan peranan Kerajaan Persekutuan dalam hal ehwal perancangan bandar dan desa selaras dengan semangat tanggungjawab bersama yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Akta ini juga memperuntukkan dua (2) bahagian baharu iaitu Bahagian IIA Jawatankuasa Perancang Wilayah dan Bahagian IIB Rancangan Fizikal Negara. Pindaan ini juga memperkenalkan beberapa pendekatan baharu khususnya berkaitan rancangan pemajuan dan juga kawalan perancangan dalam Akta 172.

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007 [Akta A1313]



Pindaan Akta A1313 pada tahun 2007 dilaksanakan bagi memasukkan peruntukan berhubung dengan pengurusan sisa pepejal terkawal dan pembersihan awam. Pindaan ini membolehkan pihak berkuasa perancang tempatan mengambil kira peruntukan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] semasa menguruskan sesuatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran merancang.

Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2017 [Akta A1522]



Akta 172 sekali lagi dipinda pada tahun 2017 dan dikenali sebagai Akta A1522, yang telah diwartakan pada 16 Januari 2017. Pindaan kelima ini melibatkan dua (2) pindaan iaitu memasukkan keperluan Penilaian Impak Sosial (Social Impact Assessment - SIA) bagi projek yang dikemukakan kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) untuk mendapatkan nasihat iaitu cadangan pemajuan penebusgunaan pinggir laut dan pembinaan infrastruktur utama negara serta pemantapan kandungan laporan cadangan pemajuan dengan memasukkan elemen SIA.

Keperluan pindaan dibuat adalah bertujuan untuk memperkukuh pembangunan inklusif ke arah pembangunan masyarakat yang saksama. Penilaian Impak Sosial dalam perancangan projek merupakan pendekatan penilaian impak pemajuan yang berteraskan sosial yang memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyat. Ia berperanan menilai isu-isu dari sesuatu cadangan pemajuan dengan mencadangkan alternatif pembangunan dan membuat pilihan terbaik bagi mengelakkan impak serta meminimumkan kesan negatif kepada komuniti.

Cadangan Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 2026



Cadangan pindaan Akta 172 pada tahun 2026 dilaksanakan bertujuan untuk memperkukuh urus tadbir yang berkesan dan meningkatkan fleksibiliti dan kompetensi serta menggalakkan inovasi bagi melonjakkan momentum pemulihan dan pertumbuhan ekonomi melibatkan tujuh (7) perkara berikut:

i. Pengurusan dan Pengawasan Data;
ii. Pertimbangan Laporan SIA;
iii. Caj Pemajuan;
iv. Penyelarasan Rancangan Tempatan dengan Kanun Tanah Negara;
v. Pengubahan Rancangan Tempatan yang tangkas, Publisiti Draf Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan;
vi. Rancangan Kawasan Khas; dan
vii. Pelan Tindakan Khas

AKTA PERANCANG BANDAR 1995 [AKTA 538]

Akta Perancang Bandar 1995 [Akta 538] telah diwartakan pada 2 November 1995 dan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1996. Akta ini merupakan suatu akta bagi mengawal selia profesion Perancang Bandar untuk mengukuhkan peranan profesion ini sebagai peneraju dalam bidang perancangan bandar dan desa. Akta ini penting bagi memperkasakan etika profesion ini ke arah menjamin mutu perkhidmatan yang ditawarkan agar setaraf dengan negara maju.



Imbas Kod QR
Akta 538

Bahagian I

Permulaan yang menyentuh tentang tajuk ringkas dan tafsiran.

Bahagian II

Berkaitan Lembaga Perancang Bandar yang ditubuhkan. Ia menjelaskan berkenaan keanggotaan, pelantikan, penamatan, pembatalan, fungsi dan kuasa Lembaga.

Bahagian III

Berkenaan pendaftaran perancang bandar. Ia menjelaskan jenis pendaftaran, lantikan dan tugas pendaftar, hak, kelayakan pendaftaran, permohonan dan perakuan pendaftaran dan pendaftaran sementara perancang bandar asing.

Bahagian IV

Berkenaan amalan perancangan bandar oleh pertubuhan perbadanan. Ia menyentuh berkenaan komposisi pertubuhan perbadanan yang boleh menjalankan amalan perancang bandar, permohonan dan pembatalan permit, hak untuk didengar, pemberhentian amalan, kuasa Lembaga mengeluarkan permit baharu dan rayuan terhadap penolakan, syarat dan pembatalan tidak dibenarkan.

Bahagian V

Berkenaan celaan, penggantungan, pembatalan, penyingkiran dan kemasukan semula. Ia menyentuh berkenaan penubuhan, pelantikan dan kuasa Jawatankuasa Penyiasatan dan Jawatankuasa Tatatertib, pembatalan dan penyingkiran pendaftaran, pemulangan perakuan pendaftaran dan kemasukan semula ke dalam Daftar.

Bahagian VI

Berkenaan dengan penubuhan Lembaga Rayuan. Ia menerangkan berkenaan fungsi, prosedur, tempoh jawatan dan elaun anggota Lembaga Rayuan.

Bahagian VII

Berkenaan kesalahan-kesalahan, penalti, pendakwaan dan perjalanan prosiding sivil.

Bahagian VIII

Berkenaan perkara am yang menyentuh tentang kuasa untuk membuat kaedah-kaedah, semua perancang bandar adalah tertakluk kepada akta dan kecualian tentang hak kerajaan.

AKTA-AKTA LAIN YANG BERKAITAN

Selain daripada Perlembagaan Persekutuan dan Akta 172, terdapat beberapa akta utama lain yang menjadi rujukan atau sebagai akta pelengkap dan koordinasi fungsi yang menyokong kepada agenda perancangan dan pembangunan negara.


Akta Kawasan Pengairan 1953 [Akta 386]


Akta Pembangunan Tanah 1956 [Akta 474]


Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]


Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]


Akta Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 828]


Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2]


Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]


Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]


Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]


Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 [Akta 267]


Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]


Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]


Akta Perikanan 1985 [Akta 317]

AKTA-AKTA LAIN YANG BERKAITAN


Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341]


Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 [Akta 423]


Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446]


Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]


Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]


Akta Bekalan Gas 1993 [Akta 501]


Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555]


Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]


Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 [Akta 655]


Akta Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2007 [Akta 664]


Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672]


Akta Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2008 [Akta 688]


Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 76]


Akta Iltizam Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan 2025 [Akta 867]

KAEDAH-KAEDAH YANG DITERIMAPAKAI

Kaedah-kaedah yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa yang digubal di bawah Seksyen 28, Akta 172 dan Akta Pembaharuan Semula Bandar yang akan digubal kelak juga merupakan sumber kuasa bagi melaksanakan peranan dan fungsi Jabatan.


Kaedah-Kaedah Rancangan Pemajuan 1984


Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) 1986


Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 1988


Kaedah-Kaedah Pemeliharaan Pokok 1998


Kaedah-Kaedah Rancangan Kawasan Khas 2010


Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Am) 2010


Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) 2010


Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Persisiran Pantai) 2010


Kaedah-Kaedah Kawalan Perancangan (Pemajuan Tanah dan Bangunan yang Mempunyai Kepentingan Sejarah atau Senibina) 2010


Kaedah-Kaedah Caj Pemajuan 2010


Kaedah-Kaedah Rancangan Struktur 2019


Kaedah-Kaedah Rancangan Tempatan 2019


Kaedah-Kaedah Lembaga Rayuan 2019


Draf Kaedah-Kaedah di bawah Akta Pembaharuan Semula Bandar

Nota:
1. Perancangan Bandar dan Desa di bawah SENARAI BERSAMA (Jadual 9) di bawah Perlembagaan Persekutuan;
2. Kaedah-kaedah sebelum tahun 2026 tidak diwartakan oleh PLANMalaysia, Ibu Pejabat; dan
3. Bermula tahun 2026, semua kaedah-kaedah disediakan oleh PLANMalaysia, Ibu Pejabat perlu diwartakan oleh Jabatan Peguam Negara sebelum diserahkan kepada Pengarah Negeri untuk pewartaan dan penerimapakaian bagi tujuan penyelarasan.

RANG UNDANG - UNDANG PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR (PSB)

- **Rang Undang-Undang Pembaharuan Semula Bandar (PSB)** telah dirangka bagi menyediakan suatu kerangka perundangan khusus yang memberi punca kuasa kepada Kerajaan untuk memperkukuh mekanisme tadbir urus bandar yang lebih holistik dan responsif terhadap perkembangan urbanisasi semasa. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PLANMalaysia sentiasa komited memastikan hak dan kepentingan rakyat terbela tanpa meminggirkan mana-mana pihak (leave no one behind) dalam setiap perancangan dan pelaksanaan pembangunan, supaya manfaatnya dapat dinikmati oleh rakyat tanpa ada yang terpinggir. Hala tuju ini bertepatan dengan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK-13) bertemakan "Melakar Semula Pembangunan" yang dizahirkan menerusi **Strategi D4.1: Meningkatkan Penyediaan Perumahan Berkualiti, Berdaya Huni dan Terangkum,** yang antara lain menegaskan bahawa akta berkaitan Pembaharuan Semula Bandar boleh dijadikan landasan perundangan sebagai suatu ikhtiar memperkasa pembangunan semula **kawasan usang, tidak selamat dan tidak ekonomik** demi kesejahteraan rakyat dan kelestarian negara.

- Usaha ini juga adalah satu komitmen negara di peringkat UN-Habitat dalam mengimplementasikan Agenda Perbandaran Baharu (New Urban Agenda) sebagai satu kerangka global bagi pembangunan bandar mampan. Ia menekankan peri pentingnya perbandaran yang terancang dan terurus dengan baik dalam menjana transformasi bagi negara membangun dan negara maju, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs).



RANGKA KERJA PERANCANGAN SPATIAL NEGARA

Rangka Kerja Perancangan Spatial Negara merupakan asas utama dalam mengarusperdanakan perancangan pembangunan negara secara mampan, inklusif dan bersepadu selaras dengan peruntukan Akta 172. Kerangka ini merangkumi pelaksanaan perancangan di pelbagai peringkat iaitu peringkat negara, wilayah/negeri, tempatan dan komuniti bagi memastikan hala tuju pembangunan spatial negara dilaksanakan secara tersusun, responsif dan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

MALAYSIA MADANI

PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI PERSEKUTUAN

- Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
- PLANMalaysia
- Kementerian/Jabatan/ Agensi Lain

WILAYAH/NEGERI

KERAJAAN NEGERI

- 11 Negeri di Semenanjung Malaysia
- PLANMalaysia Negeri

TEMPATAN


PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Semua PBT di Semenanjung Malaysia, termasuk W.P Kuala Lumpur, W.P Putrajaya dan W.P Labuan


KOMUNITI

Community-Based Planning

PERINGKAT 1 : PERANCANGAN NEGARA




PERINGKAT 2 : PERANCANGAN WILAYAH/NEGERI



PERINGKAT 3 : PERANCANGAN TEMPATAN



PERINGKAT 4 : PERANCANGAN KOMUNITI



DOKUMEN DASAR DAN PELAN STRATEGIK NEGARA

Perancangan bandar dan desa negara dipandu oleh pelbagai dasar dan agenda strategik nasional yang saling melengkapi. Keseluruhan dasar dan pelan tindakan ini menjadi asas penting dalam memperkukuh sistem perancangan negara yang lebih dinamik, bersepadu dan berpaksikan rakyat ke arah mencapai pembangunan mampan serta kesejahteraan generasi masa hadapan.



01

Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13)



02

Visi dan Kerangka Dasar Reformasi Malaysia MADANI



03

Dasar Perumahan Negara 2026-2030



04

Dasar Perubahan Iklim 2.0




05

Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)



06

Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara



07

Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2026-2030



08

Pelan Hala Tuju Teknologi dan Ekonomi Hidrogen (HETR)



09

Pelan Perindustrian Baharu 2030 (NIMP)




10

Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR)



11

Pelan Tindakan Malaysia Digital 2030



12

Pelan Tindakan AI Kebangsaan 2026-2030



13

Blueprint Ekonomi Kitaran Sisa Pepejal di Malaysia 2025-2035

DASAR STRATEGIK

Dasar-dasar yang diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) juga merupakan sumber kuasa bagi pelaksanaan aktiviti perancangan bandar dan desa seperti berikut:



Rancangan Fizikal Negara Kelima (RFN5)



Dasar Perbandaran Negara Ketiga (DPN3)



Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara 2030)



Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN)



Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara - 2



Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (PIRECFS) 2022



Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan Rel Pantai Timur (East Coast Rail Link- ECRL)

DASAR STRATEGIK, RANCANGAN PEMAJUAN DAN GARIS PANDUAN

Pelaksanaan di peringkat wilayah dan negeri diterjemahkan melalui Rancangan Struktur, manakala peringkat tempatan, ia diperkukuh melalui penyediaan Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas. Sementara itu, Pelan Tindakan Khas pula lebih bersifat terperinci dan berfokus kepada keperluan komuniti.

RANCANGAN PEMAJUAN



Rancangan Struktur



Rancangan Tempatan



Rancangan Kawasan Khas

Pelan Tindakan Khas

GARIS PANDUAN, MANUAL DAN PIAWAIAN SERTA PANDUAN PELAKSANAAN

Garis panduan, manual dan piawaian serta panduan pelaksanaan perancangan yang disediakan oleh Jabatan berfungsi sebagai dokumen rujukan dalam menyokong perancangan dan pembangunan negara yang lebih seragam dan terancang.



ARAHAN DAN PEKELILING

Jabatan turut tertakluk kepada arahan dan pekeliling semasa yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi serta penyampaian perkhidmatan. Pekeliling yang berkuat kuasa boleh dirujuk dan diakses melalui dua (2) portal utama seperti berikut:

PORTAL PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA (MYPPSM)



PORTAL PEKELILING PERBENDAHARAAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA



CARTA ORGANISASI



PEMEGANG TARUH

Pemegang taruh merupakan pihak yang mempunyai kepentingan terhadap keberhasilan program yang mana kebiasaannya adalah merupakan pihak yang membuat dasar terhadap program atau yang boleh mempengaruhi dasar terhadap program. Pelanggan merupakan individu atau organisasi yang menerima dan menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

KERAJAAN PERSEKUTUAN

- YAB Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- YB Menteri KPKT
- Timbalan Menteri KPKT
- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ketua Setiausaha Lain-lain Kementerian
- Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan

KERAJAAN NEGERI

- YAB Menteri Besar/ Ketua Menteri
- YB Setiausaha Kerajaan Negeri
- Pihak Berkuasa Negeri
- Agensi-agensi Kerajaan Negeri

KERAJAAN TEMPATAN

- Datuk Bandar
- Yang Dipertua PBT
- Setiausaha PBT
- Ahli-ahli Majlis PBT

SEKTOR SWASTA

- Syarikat Pengendali Infrastruktur, Utiliti dan Kemudahan
- Badan Profesional dan Institusi Industri
- Pemaju Hartanah
- Perunding Profesional

ORANG AWAM

- Pelajar Sekolah
- Institut Pengajian Tinggi
- Semua Lapisan Masyarakat

RAKAN STRATEGIK LUAR NEGARA

WORLD BANK GROUP

unesco

ASIA PACIFIC MINISTERIAL CONFERENCE ON HOUSING & URBAN DEVELOPMENT (APMCHUD)

COMMONWEALTH ASSOCIATION OF PLANNERS

JICA

UK PACT

WWF

earoph

IGES Institute for Global Environmental Strategies

TOMORROW. CITY SHANGHAI

RAKAN STRATEGIK DALAM NEGARA

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

KEMENTERIAN DIGITAL

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

MET Malaysia

JMG

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA

JPPH

JUPEM

JKPTG

MIDA

PERHILITAN

JAKIM

RAKAN STRATEGIK

RAKAN STRATEGIK DALAM NEGARA

RAKAN STRATEGIK IPTA

Dalam tempoh 2026–2030, Malaysia dijangka berhadapan dengan pelbagai cabaran yang semakin kompleks dalam aspek perancangan dan pembangunan bandar. Ketidaktentuan geopolitik, ketidakstabilan ekonomi, urbanisasi pesat, perubahan iklim serta kemajuan teknologi yang pantas menuntut pendekatan perancangan yang lebih strategik, responsif dan inklusif selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

Sehubungan itu, Pelan Strategik PLANMalaysia 2026–2030 dirangka berpaksikan analisis persekitaran dan cabaran utama negara dengan penekanan kepada pelaksanaan dasar yang tuntas, berasaskan keberhasilan yang jelas bagi memastikan setiap perancangan diterjemah kepada tindakan yang memberi impak nyata kepada kesejahteraan rakyat. Pendekatan ini mencerminkan iltizam Kerajaan MADANI untuk terus melangkah secara berprinsip, berdaya tahan dan berkesan demi kesejahteraan negara secara menyeluruh.

CABARAN LUARAN



Integrasi Dokumen Perancangan dengan Agenda Perbandaran Baharu (NUA) dan Matlamat Pembangunan

Integrasi Agenda Perbandaran Baharu (NUA) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) dalam dokumen perancangan PLANMalaysia penting bagi memastikan pembangunan bandar kekal inklusif, mampan dan berdaya tahan menjelang 2030. Penekanan kepada SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan diperlukan bagi mendepani kepesatan urbanisasi dan perubahan iklim. Sehubungan itu, Rancangan Fizikal Negara Ke-5 (RFN5) dan Rancangan Struktur perlu mengintegrasikan aspirasi NUA dan SDGs bagi merealisasikan pembangunan yang lebih tuntas, seimbang dan berfokus kepada kesejahteraan rakyat.



Ketidaktentuan Ekonomi Global

Ketidaktentuan ekonomi global terus memberi tekanan kepada pertumbuhan dan kestabilan ekonomi negara. Faktor-faktor seperti ketegangan geopolitik, inflasi, krisis kewangan serta gangguan rantaian bekalan global boleh menjejaskan pelaburan serta pelaksanaan projek berkepentingan negara. Bagi tempoh 2026–2030, perancangan fizikal perlu lebih adaptif dan berdaya tahan dalam menghadapi risiko serta perubahan ekonomi global, di samping memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, pembangunan fizikal dan kesejahteraan rakyat.



Kesan Perubahan Iklim Global

Perubahan iklim dan risiko bencana alam seperti banjir kilat, tanah runtuh dan gempa bumi semakin memberi cabaran kepada perancangan dan pembangunan di Malaysia. Justeru itu, aspek perancangan perlu diperkukuh melalui pendekatan mitigasi, adaptasi dan daya tahan bagi memastikan pembangunan lebih selamat, berdaya tahan dan mampu menghadapi risiko bencana serta perubahan iklim.



Pembaharuan Semula Bandar di Malaysia

Kawasan perbandaran yang tepu bina, usang, terbiar dan mengalami kemerosotan fizikal serta visual memerlukan pendekatan pembaharuan semula bandar bagi meningkatkan kualiti persekitaran, daya huni dan nilai hartanah setempat. Selain itu, pada masa kini tiada mekanisme perundangan yang jelas dan seragam untuk pelaksanaan pembaharuan semula bandar bagi memastikan hak dan kepentingan pemilik tanah terpelihara selaras dengan prinsip *no less favourable*.



Mendepani Negara Menua

Berdasarkan Unjuran Penduduk Malaysia 2020-2060 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada Julai 2025, Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2036 apabila penduduk negara yang berusia lebih 60 tahun mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk negara. Peralihan demografi ini memerlukan perancangan fizikal yang lebih inklusif dan mesra warga emas, khususnya dari aspek perumahan, mobiliti, kemudahan awam dan perkhidmatan bagi memastikan golongan warga emas turut mendapat manfaat pembangunan secara saksama.

CABARAN DALAMAN

1 Penyelarasan Dasar dan Pelaksanaan

Cabaran utama pelaksanaan perancangan ialah memastikan keselarasan dasar dan koordinasi antara Persekutuan, Negeri dan PBT, khususnya dalam aspek kelulusan, pemantauan dan penguatkuasaan. Perbezaan tahap pembangunan dan keupayaan sumber antara negeri turut mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan, ditambah dengan keterbatasan kewangan dan tenaga pakar di peringkat negeri dan PBT.



2 Perkembangan Teknologi

Kesiapsiagaan agensi mengadaptasi teknologi terkini seperti AI, analitik data raya dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) penting bagi memperkukuh kecekapan tatakelola perkhidmatan. Cabaran utama meliputi keupayaan tenaga kerja, kepakaran, infrastruktur digital dan integrasi data antara agensi. Justeru, pengukuhan kapasiti dan infrastruktur digital perlu dipertingkatkan bagi memastikan perancangan lebih responsif, cekap dan berdaya saing, sekali gus meningkatkan visibiliti jabatan di peringkat antarabangsa melalui *Global Urban Observatory.*



3 Kekangan Sumber Kewangan dan Tenaga Kerja Mahir

Kekangan sumber kewangan dan tenaga kerja mahir boleh menjejaskan penyediaan dasar, rancangan pemajuan, garis panduan serta pelaksanaan inisiatif perancangan fizikal. Keterbatasan peruntukan dan kekurangan tenaga mahir dalam pendigitalan turut menyukarkan perancangan berasaskan data dan *future-proof*, sekali gus berisiko mewujudkan jurang pembangunan dan menjejaskan daya saing negara.



keMampanan

Mutu hidup seimbang berdasarkan citra Malaysia yang unik berasaskan ilmu pengetahuan dan kearifan tempatan.

Daya cipta

Pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia.

keyakiNan

Menghidupkan harapan terhadap perubahan seiring sikap amanah melakukan perubahan ke arah kebaikan.

M A D A N I

6 TONGGAK Malaysia MADANI

kesejAhteraan

Kesejahteraan ekonomi, sosial dan kelestarian alam melalui budaya ilmu dan kepelbagaian pandangan.

hormAt

Perilaku budi bahasa kepada kekayaan tradisi, merayakan kemajmukan dan meraikan perbezaan pandangan dunia.

Ihsan

Belas ihsan akan nasib semua pihak melalui tindakan pemberdayaan kemanusiaan.

MADANI merupakan sintesis gaya Malaysia, yang menggabung jalin amalan sedia ada dengan kaedah baru yang direka untuk menangani isu-isu baru dan ketidakpastian. Enam nilai teras MADANI dicerakin sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu, dengan setiap satu menguatkan yang lain. MADANI diilhamkan berdasarkan konsep kesediaan menerima perubahan, dengan mengambil kira saranan segenap lapisan masyarakat dengan hasrat pemulihan melalui Reformasi substantif demi Malaysia yang lebih maju dan makmur.



KERANGKA STRATEGIK MALAYSIA MADANI

MEMBINA MALAYSIA YANG MADANI, MAJU DAN SEJAHTERA MENJELANG 2030

KEMAMPANAN : KESEJAHTERAAN : DAYA CIPTA : HORMAT : KEYAKINAN : IHSAN

- 30 EKONOMI TERBESAR DUNIA
- TANGGA KE-12 DAYA SAING GLOBAL
- TANGGA KE-25 INDEKS PERSEPSI RASUAH
- DEFISIT FISKAL 3% ATAU LEBIH RENDAH
- TANGGA KE-25 INDEKS PEMBANGUNAN MANUSIA
- MENINGKAT BAHAGIAN PENDAPATAN PEKERJA KEPADA 45%
- KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH WANITA CAPAI 60%

TERAS STRATEGIK 1: KEMAMPANAN EKONOMI NEGARA

1. Menjadikan Malaysia Sebagai Destinasi Pelaburan
2. Mempercepat Reformasi Struktur Ekonomi
3. Meneraju Ekonomi Islam Global
4. Memperkasa Usahawan PMKS
5. Mempercepatkan Pertumbuhan Hijau
6. Mengoptimum Penggunaan Tanah dan Keterjaminan Makanan
7. Mempertingkatkan Potensi Ekonomi Wilayah

TERAS STRATEGIK 2: REFORMASI INSTITUSI & TATAKELOLA

1. Memperkenalkan Tatakelola dan Rangka Kerja Institusi dan Perundangan Berkaitan Rasuah
2. Menambah Baik Aspek Perundangan dan Penguatkuasaan
3. Menambah Baik Keberkesanan dan Kecekapan Pengurusan Belanjawan dan Projek
4. Mempercepatkan Transformasi Digital
5. Meningkatkan Kemampanan Fiskal

TERAS STRATEGIK 3: MENEGAKKAN KEADILAN SOSIAL

1. Menambah Baik Bakat Tersedia Masa Hadapan
2. Merapatkan Jurang Ketidaksamarataan
3. Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat
4. Membudayakan Masyarakat MADANI
5. Meningkatkan Keselamatan Negara

RMK : EKONOMI MADANI : NETR : NMP : BAJET TAHUNAN : NACS : MEMBANGUN NEGARA MADANI

EKONOMI MADANI

EKONOMI MADANI : MEMPERKASA RAKYAT

Menaikkan Siling
Peneraju Ekonomi Asia

- Destinasi Pelaburan Berdaya Saing & Bertaraf Global
- Industri Berteraskan Digital & Inovasi
- Peneraju Ekonomi Islam Global
- Jaguh Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Serantau
- Keterjaminan & Kemampanan Ekonomi

Untuk berjaya memerlukan pendekatan seluruh Malaysia (Rakyat, Kerajaan & Industri)

- Dengan semangat perpaduan
- Tatakelola yang baik
- Penyampaian perkhidmatan awam yang tangkas & kolaboratif

Menaikkan Lantai
Peningkatan Darjat Hidup Rakyat

- Pekerjaan Bermakna & Berpendapatan Tinggi
- Keterangkuman & Kesaksamaan Peluang
- Akses Sejagat Pendidikan & Kesihatan
- Kemudahan Asas Bertaraf Dunia
- Pelindungan Sosial untuk Semua

Malaysia Berasaskan Nilai MADANI
(Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan & Ihsan)

AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM (ARPA)



PENDEKATAN STRATEGI
Associated & Integrated

> ***Associated*** ini menekankan konsep ***whole-of-nation*** melibatkan sektor swasta dan ***Integrated*** menekankan konsep ***whole-of-government*** yang melibatkan integrasi antara jabatan Kerajaan.

Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar
Majlis Aspirasi Kepimpinan Ketua Setiausaha Negara
10 September 2024

OBJEKTIF ARPA

1. Memperkukuh budaya integriti dan penghayatan nilai murni dalam perkhidmatan awam, bagi memastikan amalan tadbir urus yang telus, berakauntabiliti dan berteraskan etika profesional dapat dilaksanakan secara konsisten.
2. Membangunkan modal insan yang kompeten, berdaya saing dan berpandangan strategik, selaras dengan keperluan perkhidmatan awam yang dinamik dan menuntut kebolehsuaian terhadap perubahan persekitaran semasa serta cabaran masa hadapan.
3. Menstruktur semula organisasi perkhidmatan awam ke arah yang lebih cekap, responsif dan berdaya tahan, melalui penambahbaikan struktur pentadbiran dan proses kerja yang menyokong pelaksanaan dasar secara efektif dan efisien.
4. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan berasaskan keperluan rakyat, dengan memberi penekanan kepada perkhidmatan yang mesra pengguna, berorientasikan digital dan berimpak tinggi terhadap kesejahteraan rakyat.
5. Mengukuhkan kerjasama strategik antara sektor awam, swasta dan komuniti, dalam usaha membina ekosistem pembangunan negara yang inklusif, kolaboratif dan mampan.

KERANGKA AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM 2024 - 2030 (PINDAAN 2026)

MATLAMAT: Perkhidmatan Awam Malaysia Berprestasi Tinggi

NILAI:
- Kemampanan
- Kesejahteraan
- Daya Cipta
- Hormat
- Keyakinan
- Ihsan
- Mesra
- Adil
- Luhur
- Amanah
- Yakin
- Setia
- Islah
- Arif

TERAS KEBERHASILAN REFORMASI (TKR)	Penghayatan Nilai dan Tatakelola	Pembangunan Modal Insan	Pembangunan Organisasi	Penyampaian Perkhidmatan	Sinergi Awam, Swasta dan Masyarakat
STRATEGI KEBERHASILAN REFORMASI (SKR)	• Penghayatan Kenegaraan dan Patriotisme • Perbelanjaan Berhemah • Integriti dan Akauntabiliti • Kelestarian Hijau	• Kecemerlangan Kepimpinan • Anjakan Nilai Tugasan • Pengetahuan, Kemahiran dan Keupayaan Baharu • Peningkatan Produktiviti	• Rasionalisasi dan Penstrukturan Semula Agensi • Kesejahteraan Penjawat Awam • Pengoptimuman Sumber • Keseronokan Bekerja	• ILTIZAM Kecekapan Perkhidmatan Kerajaan • Pendigitalan Perkhidmatan • Daya Cipta dan Inovasi • Perkhidmatan Berteraskan Rakyat • Perhubungan Pelanggan	• Rasionalisasi BBP dan SBK • Kerjasama Strategik Awam, BBP, dan SBK • Kerjasama Strategik Awam, Swasta dan Masyarakat

PENDEKATAN: *Associated and Integrated (AI) Strategy*

PEMBOLEH DAYA REFORMASI (PDR)	Pengurusan Projek	Pengurusan Kewangan	Pengantarabangsaan	Pengurusan Prestasi	Komunikasi Total
	• Pengurusan Kontrak • Keberhasilan Projek	• Tanggungjawab Fiskal • Perolehan Kerajaan • Pemerkasaan Hasil Negara	• Peningkatan dalam Penarafan • Kompetensi Pegawai	• Tadbir Urus Pemantauan • Pengukuran dan Penilaian • Pengiktirafan	• Pelaporan Strategik Pelbagai Forum • Libat Urus Berterusan Bersama Media • Pengarusperdanaan Pasukan Media

Nilai M.A.L.A.Y.S.I.A dalam Memperkukuh Budaya Kerja Organisasi

Selaras dengan aspirasi reformasi perkhidmatan awam yang digagaskan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, penerapan nilai M.A.L.A.Y.S.I.A menjadi tunjang dalam memperkukuh budaya kerja warga PLANMalaysia ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih berintegriti, profesional dan berorientasikan rakyat.

Dalam konteks PLANMalaysia, nilai M.A.L.A.Y.S.I.A akan terus diterapkan dalam pelaksanaan dasar, perancangan strategik dan penyampaian perkhidmatan perancangan bandar dan desa agar sentiasa berteraskan kesejahteraan rakyat, kemampanan pembangunan dan prinsip Malaysia MADANI.

SEMANGAT M.A.L.A.Y.S.I.A
DALAM DIRI PENJAWAT AWAM

A – Adil
Meletakkan sesuatu pada haknya

A – Amanah
Jujur dan ikhlas dalam menggalas tugas

S – Setia
Taat dan setia berdasarkan Rukun Negara dan Perlembagaan

A – Arif
Mesti berilmu, berpengetahuan dan berkemahiran

M – Mesra
Sopan santun dan empati dalam memberi perkhidmatan

L – Luhur
Memuliakan perkhidmatan dengan komited dalam pekerjaan

Y – Yakin
Percaya dengan kebolehan diri serta semangat berorganisasi

I – Islah
Sentiasa melakukan pembaharuan dan penambahbaikan



Penghayatan Nilai H.E.M.A.T dalam Memperkasa Perkhidmatan Awam

Selaras dengan aspirasi reformasi perkhidmatan awam yang digagaskan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Tan Sri Dr. Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz, penerapan nilai H.E.M.A.T menjadi pemangkin kepada pembentukan budaya kerja penjawat awam yang progresif, responsif dan berintegriti tinggi.

Dalam konteks PLANMalaysia, penghayatan nilai H.E.M.A.T menjadi asas dalam memperkukuh budaya kerja organisasi yang lebih dinamik, kolaboratif dan berorientasikan hasil. Pendekatan ini akan terus diterapkan dalam pelaksanaan dasar, penyediaan rancangan pemajuan dan pengurusan perkhidmatan perancangan bandar dan desa bagi memastikan agenda pembangunan spatial negara dapat dilaksanakan secara mampan, inklusif dan berpaksikan kesejahteraan rakyat selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam.



AGENDA PERBANDARAN BAHARU DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



Imbas untuk maklumat lanjut



Imbas untuk maklumat lanjut

17 MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN



PELAN STRATEGIK KPKT 2026-2030



Imbas untuk maklumat lanjut

- 5 TERAS STRATEGIK
- 24 STRATEGI
- 142 INISIATIF
- 44 PETUNJUK PRESTASI
- 7 PETUNJUK PRESTASI UTAMA

5 TERAS STRATEGIK

TERAS STRATEGIK 1

Mewujudkan Ekosistem Kondusif bagi Penyediaan Kediaman

STRATEGI

1. Memantapkan perancangan, tadbir urus dan pelaksanaan projek perumahan
2. Meningkatkan penyediaan perumahan berkualiti dan inklusif
3. Mempercepat penggunaan teknologi termaju pembinaan
4. Meneroka kepelbagaian kaedah pemilikan rumah

TERAS STRATEGIK 2

Memperkukuh Perancangan, Pembangunan dan Tadbir Urus Bandar

STRATEGI

1. Menambah baik perancangan dan tadbir urus pembangunan bandar
2. Memperkasa pembangunan bandar mampan
3. Meningkatkan daya tahan bandar
4. Mempergiat pembangunan bandar pintar
5. Menyediakan infrastruktur bandar yang inklusif
6. Mempergiat pembangunan landskap mampan

TERAS STRATEGIK 3

Memperkasa Penyampaian dan Pengurusan Perkhidmatan

STRATEGI

1. Memperkukuh perancangan, perundangan, penguatkuasaan dan tadbir urus
2. Memantapkan perkhidmatan penyelamatan dan pengurusan bencana
3. Memperkasa program kesejahteraan komuniti
4. Memperkukuh pelaksanaan pengurusan sisa
5. Menambah baik pendigitalan perkhidmatan dan penggunaan teknologi termaju

TERAS STRATEGIK 4

Mempertingkat Keterlihatan dan Pengantarabangsaan

STRATEGI

1. Memperkukuh peranan dan keterlihatan organisasi
2. Mempertingkat akses dan penawaran produk serta perkhidmatan
3. Mempergiat kerjasama serantau dan antarabangsa
4. Memantapkan I-KPKT sebagai Pusat Kecemerlangan Latihan

TERAS STRATEGIK 5

Memantapkan Pembangunan Modal Insan dan Pengurusan Sumber

STRATEGI

1. Memantapkan pembangunan bakat yang berdaya saing dan kalis cabaran
2. Memperkukuh integriti dan akauntabiliti
3. Mempertingkatkan daya inovasi dan kreativiti warga
4. Mempertingkatkan kesejahteraan warga Kementerian/ Jabatan/ Agensi
5. Menambah baik pengurusan kewangan dan sumber

7 BIDANG FOKUS KPKT

1. Penyediaan Kediaman Berkualiti dan Mampu Milik



2. Pembangunan Bandar yang Terancang, Kalis Bencana dan Inklusif



3. Pembangunan dan Pemerkasaan Kerajaan Tempatan



4. Pengukuhan Kesiapsiagaan Kebombaan dan Penyelamatan yang Responsif dan Cekap




5. Pengurusan Sisa Pepejal yang Moden dan Mampan



6. Pengurusan dan Penyediaan Landskap Pintar dan Hijau



7. Pemerkasaan Kesejahteraan Komuniti Tanpa Mengira Kaum



PELAN STRATEGIK JABATAN 2026-2030



5 Teras

24 Strategi

70 Program/ Inisiatif

5 TERAS STRATEGIK

TERAS 1
Memperkukuh Keberkesanan Perancangan Pengurusan Pembangunan Spatial dan Guna Tanah ke Arah Kesejahteraan Rakyat

TERAS 2
Memperluas dan Memperkasakan Penyelidikan Pembangunan Serta Produk Perancangan Ke Arah Amalan Perancangan Terbaik Bagi Menjamin Kemampanan Negara

TERAS 3
Memperkasakan Aspek Perundangan Berkaitan Perancangan Bandar dan Desa

TERAS 4
Memperkukuh Pengurusan Maklumat Perancangan Melalui Transformasi Pendigitalan

TERAS 5
Memperkukuh Pembangunan Kapasiti Organisasi dan Tadbir Urus Ke Arah Menjayakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam

24 STRATEGI

TERAS 1
1. Mengarus Perdana Konsep Perancangan Terkini dalam Perancangan Pengurusan Spatial dan Guna Tanah
2. Meningkatkan Kolaborasi dan Libat Urus dengan Pemegang Taruh dalam Penyediaan dan Pelaksanaan Produk Perancangan
3. Memperkukuh Pemantauan Pelaksanaan Produk Perancangan
4. Mempertingkatkan Penggunaan Produk Perancangan yang Mesra Pengguna

TERAS 2
1. Menjalankan Kajian Penyelidikan yang Proaktif dan Responsif
2. Melaksanakan Pengukuran Ke Arah Bandar Mampan dan Berdaya Huni
3. Menyediakan Platform dan Memudahcara Pelaksanaan SDGs dalam Perancangan, Pembangunan dan Tadbir Urus Bandar
4. Mentransformasikan Perancangan Bandar Pintar Ke Arah *Smart Nation* 2040

TERAS 3
1. Memastikan Akta Perancangan Bandar dan Desa Relevan dan Terkini
2. Memperkukuh Pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa Secara Telus dan Berkesan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan
3. Memudahcara dan Memberi Khidmat Nasihat Perancangan bagi Tujuan *Ease of Doing Business*
4. Menyebarluas Perundangan Perancangan Bandar dan Desa
5. Penerimapakaian Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB) *(Tertakluk Kepada Pewartaan Rang Undang-undang (RUU) PSB)*

TERAS 4
1. Memperkukuh Pangkalan Data Perancangan Melalui Integrasi Maklumat Antara Pelbagai Pihak
2. Memperkasakan Maklumat Perancangan Menggunakan Teknologi Pintar
3. Memperkukuh Keselamatan Data dan Maklumat Perancangan Negara
4. Memperkasakan *Malaysia Urban Observatory* (MUO) Sebagai Pusat Analitik Data Raya Perancangan Pembangunan Negara
5. Pengurusan Perbandaran yang Sistematik Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI)

TERAS 5
1. Mengukuhkan Pembangunan Modal Insan Berkualiti dan Struktur Organisasi Dinamik
2. Memperkasakan Pembangunan Kompetensi dan Pengekalan Bakat
3. Memperkasakan Infrastruktur ICT dan Transformasi Digital Jabatan
4. Memperkukuh Integriti dan Tatakelola
5. Memperkukuh Tatacara dan Prosedur Kewangan
6. Meningkatkan Visibiliti Jabatan dan Promosi Perancangan

17 INISIATIF UTAMA

T1 MEMPERKUKUH KEBERKESANAN PERANCANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN SPATIAL DAN GUNA TANAH KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT



1 Rancangan Fizikal Negara Keenam (RFN6)



2 Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara Kedua (DPFDN 2.0)



3 15 Kajian Rancangan Pemajuan

T3 MEMPERKASAKAN ASPEK PERUNDANGAN BERKAITAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA



8 1 Cadangan Pindaan Akta 172



9 1 Unit Khas Pembaharuan Semula Bandar (PSB)



10 1 Kaedah – Kaedah Pembaharuan Semula Bandar (PSB)

T2 MEMPERLUAS DAN MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN SERTA PRODUK PERANCANGAN KE ARAH AMALAN PERANCANGAN TERBAIK BAGI MENJAMIN KEMAMPANAN NEGARA

4 130 Bandar Berdaya Huni



5 1 Laporan Kerangka Kemampanan Bandar Malaysia (KKBM)



6 1 Kajian Kerangka Digital Twin



7 Program Penarafan Bandar Pintar * (ARPA Nasional)



115 PBT — Tahap 1: *Smart City Early Adopter*

14 PBT — Tahap 2: *Developing Smart City*

6 PBT — Tahap 1: *Leading Smart City*

T4 MEMPERKUKUH PENGURUSAN MAKLUMAT PERANCANGAN MELALUI TRANSFORMASI PENDIGITALAN

11 1 Sistem Urusan Rundingan 20A



13 1 Program Kerjasama MUO dengan *Global Urban Observatory* (GUO)



12 1 Sistem Penilaian Kapasiti Tampungan [Carrying Capacity Assessment System (MyCCAS)]

14 Pelan Pelaksanaan Kecerdasan Buatan (AI) (Malaysia Urban Planning Artificial Intelligence Implementation Plan – MUPAIIP 2030)



T5 MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN KAPASITI ORGANISASI DAN TADBIR URUS KE ARAH MENJAYAKAN AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

15 **28%** Pegawai Memiliki PhD/Sarjana

16 **20%** Pegawai Perancang Bandar sebagai Perancang Bandar Berdaftar (TPr)

17 TOP 5 Kedudukan Lima (5) Terbaik Media Sosial di KPKT

VISI

Peneraju Perancangan Bandar dan Desa Ke Arah Kesejahteraan Rakyat dan Kemakmuran Negara Menjelang 2030

MISI

Memacu Perancangan Pembangunan Negara Melalui Perancangan Spatial yang Komprehensif dan Inovatif Demi Kesejahteraan Masyarakat


MOTO

Perancangan Melangkaui Kelaziman
(Planning Beyond Conventional)



MATLAMAT DOKTRIN

'Mewujudkan Keseimbangan di antara Pembangunan Fizikal dengan Pembangunan Insan dari Segi Rohani dan Nilai-Nilai Murni Sejagat untuk Membangun Malaysia MADANI'



HUBUNGAN TIGA HALA

- M ⟷ P Hubungan Manusia dan Pencipta
- M ⟷ M Hubungan Manusia dan Manusia
- M ⟷ A Hubungan Manusia dan Alam Sekitar

FALSAFAH PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SEJAGAT

1. Hubungan Manusia dengan Pencipta
2. Manusia Sebagai Fokus Pembangunan
3. Aktiviti Pelbagai Dimensi
4. Perubahan Kuantitatif dan Kualitatif
5. Penggunaan dan Pengagihan Sumber dengan Saksama

GERAK KERJA

"FOUR PLUS ONE"



1. Meneruskan Ikhtiar Perancangan Bandar bagi Merealisasi Malaysia MADANI dan Mengangkat Visibiliti PLANMalaysia di Peringkat Negara dan Global.
2. Memperteguhkan PLANMalaysia Selaras dengan Aspirasi Bidang Fokus Utama KPKT.
3. Memantapkan Tatakelola Perancangan Melangkaui Kelaziman.
4. Meningkatkan Liputan Media yang Lebih Terangkum dan Tersohor.
5. Memperkasakan Tatakelola Perancangan untuk *Ease of Doing Business* di Malaysia.

6 KAEDAH (MODUS OPERANDI)

1. ***FOCUS***
   Fokus kepada projek yang berimpak tinggi berdasarkan *outcome* (outcome-based development planning).
2. ***COMPLEMENT***
   Memberi khidmat nasihat kepada pengurusan tertinggi KPKT dalam perancangan hala tuju kementerian dan agenda di peringkat negara mahupun antarabangsa.
3. ***COLLABORATE***
   Memberi komitmen terhadap program-program kolaborasi Jabatan bersama institusi antarabangsa, agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.
4. ***LISTEN***
   Mengambil sikap keterbukaan (open door policy) kepada kakitangan PLANMalaysia dalam mendengar pandangan (keluh kesah) kakitangan Jabatan.
5. ***CARE***
   Mengutamakan kesejahteraan dan keharmonian pegawai di Jabatan.
6. ***EMPOWER***
   Meneruskan agenda *'to empower'* modal insan pegawai dengan meningkatkan ilmu berkaitan *'evidence-based planning, science (in addition to art) in urban planning.*

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka, perkataan 'SUPERB' membawa erti sangat istimewa, hebat, luar biasa atau lebih daripada yang lain. Dalam Bahasa Inggerisnya, ia disebut sebagai *of excellent quality; very great.*

S.U.P.E.R.B

S — ***Skillfulness*** **(Kemahiran)**

Era pendigitalan menuntut setiap individu meningkatkan kemahiran bukan sahaja melalui kursus, malah turut memanfaatkan pelbagai platform media digital. Sehubungan itu, cabaran terbesar ialah kemahuan diri pegawai untuk terus meningkatkan kemahiran dan keupayaan diri sendiri.

U — ***Unity*** **(Kebersamaan)**

Organisasi cemerlang terhasil daripada kebersamaan dan perpaduan warganya. Oleh itu, warga Jabatan hendaklah terus memperkukuh ikatan kekeluargaan sebagai tanda sokongan tidak berbelah bahagi kepada organisasi, agama, bangsa dan negara.

P — ***Passion*** **(Kesungguhan)**

Semua warga Jabatan hendaklah sentiasa melakukan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh, ikhlas dan menjadikan amalan menepati masa sebagai pegangan.

E — ***Empathy*** **(Belas Kasihan)**

Setiap warga Jabatan perlu mempunyai sifat terpuji ini. Ini kerana sifat tolong-menolong dan bantu-membantu akan meringankan beban yang dipikul oleh orang di sekeliling.

R — ***Responsive*** **(Responsif)**

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, responsif bermaksud segera atau mudah memberikan kerjasama dan reaksi membantu terhadap sesuatu usaha. Dalam konteks peranan dan fungsi Jabatan, setiap pegawai hendaklah memiliki minda kelas pertama agar setiap tindakan membawa hasil yang positif.

B — ***Believe*** **(Kepercayaan)**

Warga Jabatan perlu menanamkan sifat percaya kepada setiap kejadian dan ketentuan Allah SWT serta mempercayai bahawa akan mendapat pembalasan dari setiap apa yang dikerjakan.

TERAS STRATEGIK



TERAS STRATEGIK 1

MEMPERKUKUH KEBERKESANAN PERANCANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN SPATIAL DAN GUNA TANAH KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT

Perancangan dan pengurusan guna tanah secara mampan amat penting kerana tanah merupakan sumber yang optimum. Keseimbangan antara pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar perlu dipelihara selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.



STRATEGI 1

MENGARUS PERDANA KONSEP PERANCANGAN TERKINI DALAM PERANCANGAN PENGURUSAN SPATIAL DAN GUNA TANAH

Perancangan spatial dan guna tanah hendaklah sentiasa responsif, inovatif serta memenuhi keperluan semasa bagi mewujudkan bandar yang berdaya huni, berdaya tahan dan mampan. Penyediaan dasar dan rancangan pemajuan perlu menerapkan pendekatan perancangan terkini agar bidang perancangan bandar kekal relevan dan melangkaui kelaziman.

STRATEGI 2

MENINGKATKAN KOLABORASI DAN LIBAT URUS DENGAN PEMEGANG TARUH DALAM PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN PRODUK PERANCANGAN

Pengukuhan kolaborasi dan libat urus bersama pemegang taruh perlu diberi keutamaan bagi memastikan produk keluaran Jabatan dapat diguna pakai secara meluas serta menyokong penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

STRATEGI 3


MEMPERKUKUH PEMANTAUAN PELAKSANAAN PRODUK PERANCANGAN

Memperkukuh pemantauan pelaksanaan produk perancangan bagi memastikan setiap perancangan dilaksanakan secara berkesan, sistematik dan berasaskan data. Pendekatan ini membolehkan penambahbaikan berterusan, meningkatkan akauntabiliti serta memastikan produk perancangan dimanfaatkan secara optimum dalam menyokong pembangunan yang berdaya tahan dan mampan.

STRATEGI 4

MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN PRODUK PERANCANGAN YANG MESRA PENGGUNA

Mempertingkatkan penggunaan produk perancangan yang mesra pengguna melalui penambahbaikan penyampaian maklumat yang jelas, mudah difahami dan berasaskan keperluan pengguna bagi menyokong perancangan pembangunan yang lebih berkesan.


Teras 1
Memperkukuh Keberkesanan Perancangan Pengurusan Pembangunan Spatial dan Guna Tanah Ke Arah Kesejahteraan Rakyat
S1: Mengarus Perdana Konsep Perancangan Terkini dalam Perancangan Pengurusan Spatial dan Guna Tanah
S2: Meningkatkan Kolaborasi dan Libat Urus dengan Pemegang Taruh dalam Penyediaan dan Pelaksanaan Produk Perancangan
S3: Memperkukuh Pemantauan Pelaksanaan Produk Perancangan
S4: Mempertingkatkan Penggunaan Produk Perancangan yang Mesra Pengguna
T1–S1–P1 Menyediakan Kajian Semula Rancangan Pemajuan Nasional (RPN)
T1–S1–P2 Menyediakan Kajian-kajian Khusus Pengurusan Spatial yang Berkepentingan Negara
T1–S1–P3 Menyediakan Rancangan Wilayah
T1–S1–P4 Menyediakan Kajian Rancangan Pemajuan
T1–S1–P5 Menyediakan Semakan Semula Manual Rancangan Pemajuan/ Panduan Pelaksanaan Pelan Tindakan Khas (PTK)
T1–S2–P1 Memperkasakan Kerjasama Strategik Peringkat ASEAN / Antarabangsa
T1–S2–P2 Melaksanakan Kolaboratif dengan Kementerian/ Agensi Lain/ IPT
T1–S2–P3 Melaksanakan Sesi Libat Urus bagi Kajian Perancangan Jabatan
T1–S2–P4 Melaksanakan Smart and Strategic Partnership through Localising Development Plan
T1–S2–P5 Memperkasakan Perancangan Komuniti melalui 4th Tier Planning
T1–S3–P1 Mengukuhkan Pemantauan Produk Perancangan melalui Modul Pelaporan dan Pemantauan Bandar Mampan
T1–S3–P2 Melaksanakan Pemantauan Rancangan Pemajuan
T1–S4–P1 Melaksanakan Sebaran/Teach In/ Outreach Produk Perancangan untuk Pelaksanaan di Peringkat Negeri dan Daerah
T1–S4–P2 Menyediakan Brief Projek Berdasarkan Keutamaan Agensi Pelaksana

1 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 1
MEMPERKUKUH KEBERKESANAN PERANCANGAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN SPATIAL DAN GUNA TANAH KE ARAH KESEJAHTERAAN RAKYAT

STRATEGI 1:
MENGARUS PERDANA KONSEP PERANCANGAN TERKINI DALAM PERANCANGAN PENGURUSAN SPATIAL DAN GUNA TANAH

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T1–S1–P1 **Menyediakan Kajian Semula Rancangan Pemajuan Nasional (RPN)**	Bilangan Laporan Rancangan Pemajuan Nasional (RPN)	Memperkukuh Pemakaian Rancangan Fizikal Negara (RFN) di Sabah dan Sarawak Dua (2) Laporan Rancangan Pemajuan Nasional (RPN) dalam Tempoh Lima (5) Tahun 1. Rancangan Fizikal Negara Keenam (RFN6) • Terma Rujukan RFN6 • Kajian RFN6 2. Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara Kedua (DPFDN 2.0) •Terma Rujukan DPFDN 2.0 • Kajian DPFDN 2.0 Dua (2) Laporan Pemantauan dalam Tempoh Lima (5) Tahun 1. Laporan Pemantauan DPF Desa Negara Fasa 2 (2021-2025) 2. Laporan Pemantauan dan Penilaian Pelaksanaan RFN5	2026-2030 2028 2029 - 2030 2028 2029-2030 2026 2028	BRFN

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T1-S1-P2 **Menyediakan Kajian-kajian Khusus Pengurusan Spatial yang Berkepentingan Negara**	Bilangan Kajian Baharu	Satu (1) Kajian dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BRFN & BPW
T1-S1-P3 **Menyediakan Rancangan Wilayah**	Bilangan Laporan Rancangan Wilayah	Satu (1) Laporan Rancangan Wilayah dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPW
T1-S1-P4 **Menyediakan Kajian Rancangan Pemajuan**	Bilangan Kajian Rancangan Pemajuan	15 Kajian Rancangan Pemajuan dalam Tempoh Lima (5) Tahun iaitu: • Rancangan Struktur Negeri (RSN) • Rancangan Tempatan (RT) • Rancangan Kawasan Khas (RKK)	2026-2030	PPZ & UPP
T1-S1-P5 **Menyediakan Semakan Semula Manual Rancangan Pemajuan/ Panduan Pelaksanaan Pelan Tindakan Khas (PTK)**	Bilangan Kajian Semakan Semula Manual Rancangan Pemajuan/ Panduan Pelaksanaan PTK	Tiga (3) Kajian Semakan Semula dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PPZ

STRATEGI 2:
MENINGKATKAN KOLABORASI DAN LIBAT URUS DENGAN PEMEGANG TARUH DALAM PENYEDIAAN DAN PELAKSANAAN PRODUK PERANCANGAN

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T1–S2–P1 **Memperkasakan Kerjasama Strategik Peringkat ASEAN/ Antarabangsa**	Bilangan Program	Lima (5) Program dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	Semua Bahagian
T1–S2–P2 **Melaksanakan Kolaboratif dengan Kementerian/ Agensi Lain/ IPT**	Bilangan MOU/ Nota Kerjasama	Tiga (3) MOU/ Nota Kerjasama dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	Semua Bahagian
T1–S2–P3 **Melaksanakan Sesi Libat Urus bagi Kajian Perancangan Jabatan**	Bilangan Libat Urus yang dilaksanakan oleh PLANMalaysia	20 Libat Urus/ Tahun	2026-2030	Semua Bahagian
T1–S2–P4 **Melaksanakan *Smart and Strategic Partnership through Localising Development Plan***	Bilangan *Showcase*	Satu (1) Projek *Showcase* dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPP
T1–S2–P5 **Memperkasakan Perancangan Komuniti melalui *4th Tier Planning***	Bilangan Laporan Pelan Tindakan Khas (PTK)	12 Laporan PTK/ Tahun	2026-2030	PPZ & UPP

STRATEGI 3:
MEMPERKUKUH PEMANTAUAN PELAKSANAAN PRODUK PERANCANGAN

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T1–S3–P1 **Mengukuhkan Pemantauan Produk Perancangan melalui Modul Pelaporan dan Pemantauan Bandar Mampan**	Bilangan Pengemas-kinian Data	Satu Pengemaskinian Data/ Tahun	2026-2030	BRFN, BPW & PPZ
T1–S3–P2 **Melaksanakan Pemantauan Rancangan Pemajuan**	Bilangan Laporan Pemantauan	Empat (4) Laporan Pemantauan/ Tahun	2026-2030	PPZ

STRATEGI 4:
MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN PRODUK PERANCANGAN YANG MESRA PENGGUNA

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T1–S4–P1 **Melaksanakan Sebaran/ *Teach In/ Outreach* Produk Perancangan untuk Pelaksanaan di Peringkat Negeri dan Daerah**	Bilangan Pembentangan	30 Pembentangan di Peringkat Negeri dan Daerah/ Tahun	2026-2030	Semua Bahagian
T1–S4–P2 **Menyediakan Brief Projek Berdasarkan Keutamaan Agensi Pelaksana**	Bilangan Laporan Brief Projek	Satu (1) Laporan Brief Projek bagi Rancangan Pemajuan Nasional/ Tahun Satu (1) Laporan Brief Projek bagi Kajian Projek Berkepentingan Nasional atau Rancangan Wilayah/ Tahun Lima (5) Laporan Brief Projek bagi Satu (1) Rancangan Pemajuan Setiap PPZ/ Tahun	2026-2030	BRFN & BPW PPZ & UPP

TERAS STRATEGIK 2

MEMPERLUAS DAN MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN SERTA PRODUK PERANCANGAN KE ARAH AMALAN PERANCANGAN TERBAIK BAGI MENJAMIN KEMAMPANAN NEGARA

Memperkasakan penyelidikan dan pembangunan serta garis panduan dalam bidang perancangan bandar berasaskan data dan bukti empirik bagi menyokong pelaksanaan agenda pembangunan pintar dan mampan melalui pendekatan kolaboratif rentas sektor ke arah perancangan bandar yang berdaya huni.



STRATEGI 1

MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN YANG PROAKTIF DAN RESPONSIF

Menjalankan kajian penyelidikan yang proaktif dan responsif bertujuan menghasilkan dapatan yang relevan dan berasaskan keperluan semasa perancangan. Pendekatan ini memastikan isu-isu baharu dalam pembangunan bandar dapat dikenal pasti lebih awal serta menyokong penggubalan dasar dan keputusan yang lebih berkesan, berasaskan data serta bukti empirik.

STRATEGI 2

MELAKSANAKAN PENGUKURAN KE ARAH BANDAR MAMPAN DAN BERDAYA HUNI

Melaksanakan pengukuran bandar mampan dan berdaya huni secara holistik melalui pengukuhan kaedah penilaian, pemantauan indikator bandar serta penggunaan data yang sistematik bagi memastikan pembangunan bandar yang seimbang, inklusif, berdaya tahan dan memenuhi keperluan masyarakat selaras dengan aspirasi pembangunan negara.

STRATEGI 3

MENYEDIAKAN PLATFORM DAN MEMUDAHCARA PELAKSANAAN SDGs DALAM PERANCANGAN, PEMBANGUNAN DAN TADBIR URUS BANDAR

Memudahcara dalam menyepadukan agenda pembangunan mampan ke dalam perancangan fizikal, pembangunan dan tadbir urus bandar selaras dengan komitmen Malaysia terhadap SDGs. Penyediaan platform data dan pemantauan berasaskan bukti (evidence-based), berpaksikan keperluan rakyat dan kelestarian masa depan.

STRATEGI 4

MENTRANSFORMASIKAN PERANCANGAN BANDAR PINTAR KE ARAH *SMART NATION* 2040

Memfokuskan kepada transformasi perancangan bandar pintar melalui penggunaan teknologi digital dan pendekatan berasaskan data bagi memperkukuh ekosistem perancangan yang mampan, berdaya tahan dan berdaya saing ke arah *Smart Nation* 2040.

Teras 2

Memperluas dan Memperkasakan Penyelidikan Pembangunan Serta Produk Perancangan Ke Arah Amalan Perancangan Terbaik Bagi Menjamin Kemampanan Negara



S1: Menjalankan Kajian Penyelidikan yang Proaktif dan Responsif

- T2–S1–P1 Menyediakan Kajian/ Garis Panduan Perancangan yang Proaktif dan Responsif
- T2–S1–P2 Menyediakan Panduan Pelaksanaan Perancangan yang Proaktif dan Responsif
- T2–S1–P3 Menjalankan Penyelidikan Metodologi dan Teknik Perancangan yang Saintifik dan Dinamik (Future-Proof)

S2: Melaksanakan Pengukuran Ke Arah Bandar Mampan dan Berdaya Huni

- T2–S2–P1 Menyediakan Kajian Penilaian dan Pelaporan Kemampanan Bandar
- T2–S2–P2 Melaksanakan Pengukuran Indeks Kebahagiaan Bandar Malaysia

S3: Menyediakan Platform dan Memudahcara Pelaksanaan SDGs dalam Perancangan, Pembangunan dan Tadbir Urus Bandar

- T2–S3–P1 Memperkukuh Perancangan Bandar Berdaya Huni
- T2–S3–P2 Melaksanakan Program Bandar Selamat
- T2–S3–P3 Membangunkan Kerangka Kemampanan Bandar Malaysia (KKBM)
- T2–S3–P4 Menerapkan Kerangka *Digital Twin* dalam Kajian Perancangan

S4: Mentransformasikan Perancangan Bandar Pintar Ke Arah *Smart Nation* 2040

- T2–S4–P1 Memberi Khidmat Nasihat dalam Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan
- T2–S4–P2 Menyemak Standard bagi Perancangan Bandar Pintar Malaysia
- T2–S4–P3 Menjalankan Penarafan Bandar Pintar Malaysia:
  - Tahap 1: *Smart City Early Adopter*
  - Tahap 2: *Developing Smart City*
  - Tahap 3 : *Leading Smart City*
- T2–S4–P4 Memperkasakan *National Smart City Platform* (NSCP)
- T2–S4–P5 Menjalankan Penarafan Perbandaran Pintar Malaysia (Smart Township)

2 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 2
MEMPERLUAS DAN MEMPERKASAKAN PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN SERTA PRODUK PERANCANGAN KE ARAH AMALAN PERANCANGAN TERBAIK BAGI MENJAMIN KEMAMPANAN NEGARA

STRATEGI 1:
MENJALANKAN KAJIAN PENYELIDIKAN YANG PROAKTIF DAN RESPONSIF

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T2–S1–P1 **Menyediakan Kajian/ Garis Panduan Perancangan yang Proaktif dan Responsif**	Bilangan Kajian/Garis Panduan Perancangan (GPP)	Lima (5) Kajian/ Garis Panduan dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPP
T2–S1–P2 **Menyediakan Panduan Pelaksanaan Perancangan yang Proaktif dan Responsif**	Bilangan Laporan Panduan Pelaksanaan	Dua (2) Laporan Panduan Pelaksanaan dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPP
T2–S1–P3 **Menjalankan Penyelidikan Metodologi dan Teknik Perancangan yang Saintifik dan Dinamik (Future-Proof)**	Bilangan Kertas Penyelidikan	Dua (2) Kertas Penyelidikan dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPP

STRATEGI 2
MELAKSANAKAN PENGUKURAN KE ARAH BANDAR MAMPAN DAN BERDAYA HUNI

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T2-S2-P1 **Menyediakan Kajian Penilaian dan Pelaporan Kemampanan Bandar**	Bilangan Laporan	Satu (1) Laporan Kemampanan Bandar/ Tahun Satu (1) Laporan Pemantauan Penyediaan Tanah Lapang/ Tahun	2026-2030	BPP
T2-S2-P2 **Melaksanakan Pengukuran Indeks Kebahagiaan Bandar Malaysia**	Bilangan Program dan Laporan Kebahagiaan Bandar Malaysia	Satu (1) Laporan Kebahagiaan Bandar Malaysia/ Tahun Satu (1) Program Sambutan Hari Kebahagiaan/ Tahun	2026-2030	BPP

STRATEGI 3
MENYEDIAKAN PLATFORM DAN MEMUDAHCARA PELAKSANAAN SDGs DALAM PERANCANGAN, PEMBANGUNAN DAN TADBIR URUS BANDAR

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T2-S3-P1 **Memperkukuh Perancangan Bandar Berdaya Huni**	Bilangan Bandar Berdaya Huni	130 Bandar Berdaya Huni di Malaysia Menjelang Tahun 2030	2026-2030	BPP
T2-S3-P2 **Melaksanakan Program Bandar Selamat**	Bilangan Inisiatif Pemutihan Kawasan *Blackspot*	10 Kawasan PBT/ Tahun	2026-2030	BPP

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T2-S3-P3 **Membangunkan Kerangka Kemampanan Bandar Malaysia (KKBM)**	Bilangan Kajian	Satu (1) Asas Rujukan KKBM dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026	BPP
		Satu (1) Laporan KKBM dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2027-2028	
		Satu (1) Kajian *Framework* Bagi Modul Pembangunan Mampan Melalui Naik Taraf MUO	2027-2028	PPZT (MUO)
T2-S3-P4 **Menerapkan Kerangka *Digital Twin* dalam Kajian Perancangan**	Bilangan Kajian	Satu (1) Kajian Kerangka *Digital Twin* dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BMGN
		Satu (1) Konsep *Digital Twin* diambil kira dalam Penyediaan Rancangan Pemajuan		PPZR

STRATEGI 4
MENTRANSFORMASIKAN PERANCANGAN BANDAR PINTAR KE ARAH *SMART NATION* 2040

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T2-S4-P1 **Memberi Khidmat Nasihat dalam Penyediaan Pelan Tindakan Bandar Pintar di Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan**	Bilangan Khidmat Nasihat yang Diberikan	20 Sesi Khidmat Nasihat dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PPZT (PLAN-BP)
T2-S4-P2 **Menyemak Standard bagi Perancangan Bandar Pintar Malaysia**	Bilangan Kajian Semula Standard	Satu (1) Kajian Semula MS ISO 37122:2019 *Sustainable Cities and Communities – Indicators for Smart Cities* dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2028-2030	PPZT (PLAN-BP)
T2-S4-P3 **Menjalankan Penarafan Bandar Pintar Malaysia:** • **Tahap 1: *Smart City Early Adopter*** • **Tahap 2: *Developing Smart City*** • **Tahap 3 : *Leading Smart City***	Bilangan PBT	115 PBT mencapai Tahap 1: *Smart City Early Adopter* dalam Tempoh Lima (5) Tahun 14 PBT mencapai Tahap 2: *Developing Smart City* dalam Tempoh Lima (5) Tahun 6 PBT mencapai Tahap 3: *Leading Smart City* dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PPZT (PLAN-BP)

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T2-S4-P4 Memperkasakan *National Smart City Platform* (NSCP)	Bilangan Naik Taraf	Satu (1) Naik Taraf NSCP dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PPZT (PLAN-BP)
T2-S4-P5 Menjalankan Penarafan Perbandaran Pintar Malaysia (Smart Township)	Bilangan Penarafan Perbandaran Pintar Malaysia (Smart Township)	Lima (5) Penarafan Perbandaran Pintar Malaysia (Smart Township) dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PPZT (PLAN-BP)

TERAS STRATEGIK 3

MEMPERKASAKAN ASPEK PERUNDANGAN BERKAITAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Memperkukuh peranan Jabatan sebagai penasihat utama kerajaan dalam bidang perancangan bandar dan desa di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan bagi memastikan keseimbangan antara pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar tercapai melalui tatakelola yang baik dengan mengambil kira kepentingan rakyat, pemain industri dan semua pemegang taruh secara adil dan saksama.



STRATEGI 1

MEMASTIKAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA RELEVAN DAN TERKINI

Pelaksanaan Akta 172 hendaklah selari dengan perubahan dan keperluan semasa perancangan bandar dan desa di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan, termasuk memperkukuh peranan Majlis Perancang Fizikal Negara sebagai platform penyelarasan dasar serta hala tuju perancangan fizikal negara. Pelaksanaan inisiatif baharu perlu disokong melalui pindaan yang berkaitan bagi memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan desa kekal relevan, terkini serta menyumbang kepada pembangunan negara.

STRATEGI 2

MEMPERKUKUH PELAKSANAAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SECARA TELUS DAN BERKESAN DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN TEMPATAN

Pelaksanaan Akta 172 secara menyeluruh dapat memperkukuh sistem perancangan negara melalui penambahbaikan kaedah, prosedur dan mekanisme tadbir urus, termasuk memperkasakan fungsi Jawatankuasa Perancang Wilayah. Pelaksanaan ini memperkukuh peranan Jabatan sebagai penasihat kerajaan dalam bidang perancangan bandar dan desa di semua peringkat.

STRATEGI 3

MEMUDAHCARA DAN MEMBERI KHIDMAT NASIHAT PERANCANGAN BAGI TUJUAN *EASE OF DOING BUSINESS*

Memberi tumpuan kepada pemudahcaraan urusan dan penyampaian khidmat nasihat perancangan yang cekap, responsif dan bersepadu bagi menyokong agenda *Ease of Doing Business*, termasuk melalui inisiatif seperti *Planning Advisory Management Office* (PAMO).

STRATEGI 4

MENYEBARLUAS PERUNDANGAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Menyebarluaskan aspek perundangan berkaitan perancangan bandar dan desa secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran, kefahaman dan pematuhan di kalangan pihak berkepentingan. Pendekatan ini menyokong pelaksanaan sistem perancangan yang lebih cekap, seragam dan berkesan di semua peringkat.

STRATEGI 5

PENERIMAPAKAIAN AKTA PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR (PSB) [TERTAKLUK KEPADA PEWARTAAN RANG UNDANG-UNDANG (RUU) PSB]

Pelaksanaan Akta PSB (tertakluk kepada pewartaan RUU PSB), akan menjadi pemangkin kepada pelaksanaan pembaharuan semula bandar yang lebih sistematik, terancang dan mampan. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh pengurusan kawasan bandar yang usang atau tidak ekonomik supaya dapat dibangunkan semula secara lebih berdaya huni, berdaya saing dan memberi manfaat kepada kesejahteraan rakyat.

Teras 3

Memperkasakan Aspek Perundangan Berkaitan Perancangan Bandar dan Desa



S1: Memastikan Akta Perancangan Bandar dan Desa Relevan dan Terkini

- **T3–S1–P1** Menjalankan Kajian Semula Akta 172
- **T3–S1–P2** Memperkukuh Fungsi dan Peranan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)

S2: Memperkukuh Pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa Secara Telus dan Berkesan di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan

- **T3–S2–P1** Melaksanakan Kajian Mengenai Kaedah-Kaedah dan Prosedur
- **T3–S2–P2** Memperkukuh Fungsi dan Peranan Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) di bawah Subseksyen 6A(1) Akta 172
- **T3–S2–P3** Memproses Permohonan di bawah Perenggan Seksyen 20B dan Subseksyen 22(2A), Akta 172 bagi Mendapatkan Nasihat MPFN

S3: Memudahcara dan Memberi Khidmat Nasihat Perancangan Bagi Tujuan *Ease Of Doing Business*

- **T3–S3–P1** Memudahcara Kelulusan Projek-Projek Kerajaan di bawah Seksyen 20A, Akta 172
- **T3–S3–P2** Memudahcara Projek Pembangunan dan Pelaburan Asing melalui Planning Advisory Management Office (PAMO)

S4: Menyebarluas Perundangan Perancangan Bandar dan Desa

- **T3–S4–P1** Menerbitkan Monograf/ Risalah Perundangan/ Panduan Pelaksanaan Akta/ Artikel
- **T3–S4–P2** Melaksanakan Program-Program Sebaran dan Hebahan berkaitan Perundangan Perancangan Bandar dan Desa serta PSB kepada Semua Pemegang Taruh

S5: Penerimapakaian Akta Pembaharuan Semula Bandar (PSB)
(Tertakluk Kepada Pewartaan RUU PSB)

- **T3–S5–P1** Menubuhkan Unit Khas PSB
- **T3–S5–P2** Menyediakan Kaedah-Kaedah PSB

3 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 3
MEMPERKASAKAN ASPEK PERUNDANGAN BERKAITAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

STRATEGI 1:
MEMASTIKAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA RELEVAN DAN TERKINI

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T3-S1-P1 **Menjalankan Kajian Semula Akta 172**	Bilangan Cadangan Pindaan Akta 172	Satu (1) Cadangan Pindaan Akta dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPKSP
T3-S1-P2 **Memperkukuh Fungsi dan Peranan Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN)**	Bilangan Kertas Kelulusan/ Persetujuan/ Pemakluman	Lima (5) Kertas Kelulusan/ Persetujuan/ Pemakluman di Setiap Mesyuarat MPFN/ Tahun	2026-2030	BRFN
	Bilangan Pekeliling Setiausaha MPFN	Satu (1) Pekeliling Setiausaha MPFN/ Tahun	2026-2030	BRFN
	Bilangan Penyediaan Nota Jemaah Menteri (NJM) Keputusan MPFN	Tiga (3) Nota Jemaah Menteri (NJM)/ Tahun	2026-2030	BRFN

STRATEGI 2
MEMPERKUKUH PELAKSANAAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SECARA TELUS DAN BERKESAN DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN TEMPATAN

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T3-S2-P1 Melaksanakan Kajian Mengenai Kaedah-Kaedah dan Prosedur	Bilangan Kajian Mengenai Kaedah-Kaedah dan Prosedur	Tiga (3) Kajian Mengenai Kaedah-Kaedah dan Prosedur dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPKSP
T3-S2-P2 Memperkukuh Fungsi dan Peranan Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) di bawah Subseksyen 6A(1) Akta 172	Bilangan Kertas Kerja	Tiga (3) Kertas Kerja bagi Setiap JPW/ Tahun	2026-2030	BPW
T3-S2-P3 Memproses Permohonan di bawah Perenggan Seksyen 20B dan Subseksyen 22(2A), Akta 172 bagi Mendapatkan Nasihat MPFN	Bilangan Permohonan yang dibawa ke Mesyuarat MPFN	Memperakukan Permohonan dalam Tempoh Empat (4) Bulan Selepas Permohonan Lengkap Diterima	2026-2030	BPKSP

STRATEGI 3
MEMUDAHCARA DAN MEMBERI KHIDMAT NASIHAT PERANCANGAN BAGI TUJUAN *EASE OF DOING BUSINESS*

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T3-S3-P1 Memudahcara Kelulusan Projek-Projek Kerajaan di bawah Seksyen 20A, Akta 172	Peratus Permohonan Dirunding	100% Permohonan Dirunding dalam Tempoh 14 Hari dari Tarikh Permohonan Lengkap Diterima	2026-2030	BPKSP
T3-S3-P2 Memudahcara Projek Pembangunan dan Pelaburan Asing melalui *Planning Advisory Management Office* (PAMO)	Bilangan Khidmat Nasihat	Satu (1) Khidmat Nasihat Projek Pembangunan/ Pelaburan Asing Setahun	2026-2030	BPKSP

STRATEGI 4
MENYEBARLUAS PERUNDANGAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T3-S4-P1 Menerbitkan Monograf/ Risalah Perundangan/ Panduan Pelaksanaan Akta/ Artikel	Bilangan Terbitan Monograf/ Risalah Perundangan/ Panduan Pelaksanaan Akta/ Artikel	Satu (1) Terbitan/ Tahun	2026-2030	BPKSP

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T3-S4-P2 Melaksanakan Program-Program Sebaran dan Hebahan berkaitan Perundangan Perancangan Bandar dan Desa serta PSB kepada Semua Pemegang Taruh	Bilangan Program Sebaran/ Hebahan/ Taklimat/ Konvensyen	Enam (6) Program Sebaran/ Hebahan/ Taklimat/ Konvensyen/ Tahun	2026-2030	BPKSP

STRATEGI 5
PENERIMAPAKAIAN AKTA PEMBAHARUAN SEMULA BANDAR (PSB)
[TERTAKLUK KEPADA PEWARTAAN RANG UNDANG-UNDANG (RUU) PSB]

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T3-S5-P1 Menubuhkan Unit Khas PSB	Bilangan Penubuhan Unit Khas	Satu (1) Unit Khas PSB dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPKSP
T3-S5-P2 Menyediakan Kaedah – Kaedah PSB	Bilangan Kaedah-Kaedah	Satu (1) Kaedah – Kaedah PSB dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPKSP

TERAS STRATEGIK 4

MEMPERKUKUH PENGURUSAN MAKLUMAT PERANCANGAN MELALUI TRANSFORMASI PENDIGITALAN

Mendepani era Revolusi Industri 4 (IR4) yang berteknologikan IoT, *Generative AI* dan *Machine Learning,* maklumat perancangan bandar perlu menjadi nadi penggerak Jabatan agar keutuhan kredibiliti dan integriti Jabatan terus terpelihara. Era perkembangan transformasi digital hendaklah diterokai sepenuhnya ke arah meningkatkan kecekapan, ketepatan dan kepantasan Jabatan dalam membuat keputusan perancangan bandar. Perkongsian data bersama rakan strategik berlandaskan konsep *smart partnership* perlu diintegrasikan supaya maklumat perancangan bandar dapat dimanfaat sepenuhnya oleh semua agensi kerajaan, pihak swasta, NGO dan orang awam bagi merealisasikan peranan Jabatan sebagai agensi rujukan penting dalam maklumat perancangan guna tanah.



STRATEGI 1

MEMPERKUKUH PANGKALAN DATA PERANCANGAN MELALUI INTEGRASI MAKLUMAT ANTARA PELBAGAI PIHAK

Maklumat perancangan yang berkualiti merupakan asas kepada perancangan bandar dan desa yang berkesan. Pangkalan data perancangan akan diperkukuh melalui pengintegrasian maklumat daripada pelbagai agensi dan rakan strategik bagi meningkatkan kecekapan perkongsian data, menyokong keputusan berasaskan data serta menyediakan sumber maklumat yang menyeluruh bagi menyokong proses perancangan dan pembangunan negara.

STRATEGI 2

MEMPERKASAKAN MAKLUMAT PERANCANGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI PINTAR

Sistem maklumat dan pemetaan guna tanah perancangan dengan penggunaan aplikasi Kecerdasan Buatan (AI) bagi menghasilkan data guna tanah yang tepat dan maklumat baharu (new content) daripada data-data teks yang dianalisis melalui *Large Language Models* (LLMs) selari dengan perkembangan teknologi terkini (Internet of Things). Selain itu, aplikasi teknologi ini dapat memberi nilai tambah kepada perkhidmatan penyediaan maklumat dan analisis pantas perancangan.

STRATEGI 3

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DATA DAN MAKLUMAT PERANCANGAN NEGARA

Pengurusan tadbir urus keselamatan data Jabatan hendaklah berdaya tahan (resilience) dan bebas dari sebarang risiko pencerobohan dari pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab bagi memastikan pengurusan data dan maklumat perancangan negara lebih terurus, berintegriti, dikawal selia (regulatory) dan pengoperasian sistem sentiasa terpelihara.

STRATEGI 4

MEMPERKASAKAN MALAYSIA URBAN OBSERVATORY (MUO) SEBAGAI PUSAT ANALITIK DATA RAYA PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA

Malaysia Urban Observatory (MUO) akan diperkasakan sebagai pusat analitik data raya melalui pemantapan platform, pengintegrasian dan perkongsian data serta pengukuhan kerjasama strategik. Pendekatan ini akan meningkatkan keupayaan analisis dan menyokong perancangan pembangunan yang lebih tepat, responsif serta berasaskan bukti.

STRATEGI 5

PENGURUSAN PERBANDARAN YANG SISTEMATIK BERASASKAN KECERDASAN BUATAN (AI)

Pengurusan perbandaran akan diperkasakan melalui pemanfaatan Kecerdasan Buatan (AI) bagi meningkatkan kecekapan analisis, mempercepat proses membuat keputusan dan menyokong perancangan yang lebih sistematik, pintar serta berasaskan data. Pendekatan ini akan memperkukuh inovasi digital dan meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

Teras 4

Memperkukuh Pengurusan Maklumat Perancangan Melalui Transformasi Pendigitalan



S1: Memperkukuh Pangkalan Data Perancangan Melalui Integrasi Maklumat Antara Pelbagai Pihak

- **T4–S1–P1** Mengemaskini Maklumat Guna Tanah Negara Secara Berkala
- **T4–S1–P2** Menyediakan Laporan Maklumat Guna Tanah Negara
- **T4–S1–P3** Memperkasakan Portal PLANMalaysia dengan Menggabungkan e-Publisiti, MyTOWNnet, MyPlan dan Panduan Pelaksanaan Akta ke dalam Satu Repositori Dokumen Berpusat
- **T4–S1–P4** Memperkasakan Pengukuran Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets)
- **T4–S1–P5** Meningkatkan Aspek Pengurusan Kawasan Desa melalui Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa (S-CHARMs)
- **T4–S1–P6** Menambah baik Pengurusan Urusan Rundingan di bawah Seksyen 20A Akta 172 melalui Pembangunan Sistem
- **T4–S1–P7** Membangunkan Sistem Penilaian Kapasiti Tampungan [*Carrying Capacity Assessment System* (MyCCAS)]

S2: Memperkasa - kan Maklumat Perancangan Menggunakan Teknologi Pintar

- **T4–S2–P1** Memperkukuh Pengurusan Maklumat Guna Tanah melalui Teknologi Kecerdasan Buatan (AI)

S3: Memperkukuh Keselamatan Data dan Maklumat Perancangan Negara

- **T4–S3–P1** Melaksanakan Latihan Berterusan berkaitan Aspek Keselamatan Data Kepada Pegawai Jabatan
- **T4–S3–P2** Memperkukuh Keselamatan Data Jabatan

S4: Memperkasakan Malaysia Urban Observatory (MUO) Sebagai Pusat Analitik Data Raya Perancangan Pembangunan Negara

- **T4–S4–P1** Meningkatkan Tahap Penggunaan Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO)
- **T4–S4–P2** Mewujudkan Gerbang Perkongsian Data dan Maklumat Malaysia Urban Observatory (MUO)
- **T4–S4–P3** Mewujudkan *New Business Case* untuk Meningkatkan *Evidence-Based Planning*
- **T4–S4–P4** Mempergiat Program Pengantarabangsaan Malaysia Urban Observatory (MUO)

S5: Pengurusan Perbandaran yang Sistematik Berasaskan Kecerdasan Buatan (AI)

- **T4–S5–P1** Memperteguh *Centre of Artificial intelligence in Urban Planning*

4 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 4
MEMPERKUKUH PENGURUSAN MAKLUMAT PERANCANGAN MELALUI TRANSFORMASI PENDIGITALAN

STRATEGI 1:
MEMPERKUKUH PANGKALAN DATA PERANCANGAN MELALUI INTEGRASI MAKLUMAT ANTARA PELBAGAI PIHAK

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T4-S1-P1 **Mengemas kini Maklumat Guna Tanah Negara Secara Berkala**	Bilangan Pengemaskinian Data	Dua (2) Pengemaskinian Data/ Tahun	2026-2030	BMGN
T4-S1-P2 **Menyediakan Laporan Maklumat Guna Tanah Negara**	Bilangan Laporan	Satu (1) Laporan Maklumat Guna Tanah Negara setiap Dua (2) Tahun Sekali	2026-2030	BMGN
	Bilangan Ringkasan Laporan	Satu (1) Ringkasan Laporan/ Tahun	2026-2030	BMGN
T4-S1-P3 **Memperkasa-kan Portal PLANMalaysia dengan Menggabung -kan e-Publisiti, MyTOWNnet, MyPlan dan Panduan Pelaksanaan Akta ke dalam Satu Repositori Dokumen Berpusat**	Bilangan Portal	Satu (1) Portal Baharu Dibangunkan dalam Tempoh Dua (2) Tahun	2026-2027	BKP (STM)

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T4-S1-P4 Memperkasakan Pengukuran Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets)	Bilangan Naik Taraf	Dua (2) Naik Taraf Sistem dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BPP
T4-S1-P5 Meningkatkan Aspek Pengurusan Kawasan Desa melalui Sistem Ciri-Ciri Spatial Desa (S-CHARMs)	Bilangan Pengemaskinian Bilangan Sistem	Pengemaskinian Data Profil Kampung Setiap Dua (2) Tahun Menaik Taraf Satu (1) Sistem dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BRFN
T4-S1-P6 Menambah Baik Pengurusan Urusan Rundingan di bawah Seksyen 20A Akta 172 melalui Pembangunan Sistem	Bilangan Sistem	Satu (1) Sistem Urusan Rundingan 20A dalam Tempoh Dua (2) Tahun	2026-2027	BPKSP
T4-S1-P7 Membangunkan Sistem Penilaian Kapasiti Tampungan [*Carrying Capacity Assessment System* (MyCCAS)]	Bilangan Sistem	Satu (1) Sistem MyCCAS pada Tahun 2030	2028-2030	BRFN

STRATEGI 2
MEMPERKASAKAN MAKLUMAT PERANCANGAN MENGGUNAKAN TEKNOLOGI PINTAR

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T4-S2-P1 Memperkukuh Pengurusan Maklumat Guna Tanah melalui Teknologi Kecerdasan Buatan (AI)	Peratus Kemajuan Pelaksanaan Projek	100% Siap Pembangunan pada Tahun 2030	2026-2030	BMGN

STRATEGI 3
MEMPERKUKUH KESELAMATAN DATA DAN MAKLUMAT PERANCANGAN NEGARA

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T4-S3-P1 Melaksanakan Latihan Berterusan berkaitan Aspek Keselamatan Data Kepada Pegawai Jabatan	Bilangan Kursus/ Taklimat Keselamatan Data	Satu (1) Kursus/ Taklimat Keselamatan/ Tahun	2026-2030	BKP (SSM dan STM)
T4-S3-P2 Memperkukuh Keselamatan Data Jabatan	Bilangan Laporan	Dua (2) Laporan Pengukuhan Keselamatan Data Jabatan dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BKP (STM)

STRATEGI 4
MEMPERKASAKAN MALAYSIA URBAN OBSERVATORY (MUO) SEBAGAI PUSAT ANALITIK DATA RAYA PERANCANGAN PEMBANGUNAN NEGARA

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T4-S4-P1 Meningkatkan Tahap Penggunaan Sistem Malaysia Urban Observatory (MUO)	Peratus Penggunaan Sistem MUO	100% Penggunaan Sistem MUO dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PPZT (MUO)
T4-S4-P2 Mewujudkan Gerbang Perkongsian Data dan Maklumat Malaysia Urban Observatory (MUO)	Bilangan Gerbang Perkongsian Data dan Maklumat	Satu (1) Gerbang Perkongsian Data dan Maklumat dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PPZT (MUO) & BKP (STM)
T4-S4-P3 Mewujudkan *New Business Case* untuk Meningkatkan *Evidence - Based Planning*	Bilangan *New Business Case*	Empat (4) *New Business Case*/ Tahun	2026-2030	PPZT (MUO)

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T4-S4-P4 **Mempergiat Program Pengantara-bangsaan Malaysia Urban Observatory (MUO)**	Bilangan Program Kerjasama	Satu (1) Program Kerjasama MUO dengan Global Urban Observatory (GUO) di UN-Habitat	2026-2030	PPZT (MUO)

STRATEGI 5
PENGURUSAN PERBANDARAN YANG SISTEMATIK BERASASKAN KECERDASAN BUATAN (AI)

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T4-S5-P1 **Memperteguh *Centre of Artificial Intelligence in Urban Planning***	Bilangan Laporan	Satu (1) Pelan Pelaksanaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam Perancangan Bandar Malaysia (Malaysia Urban Planning Artificial Intelligence Implementation Plan – MUPAIIP 2030) dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	PLAN AI

TERAS STRATEGIK 5

MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN KAPASITI ORGANISASI DAN TADBIR URUS KE ARAH MENJAYAKAN AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

Organisasi jabatan yang kukuh dan mantap amat penting bagi memastikan segala hasrat serta pelan tindakan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selaras dengan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam, pembangunan modal insan perlu diberi keutamaan melalui program pengukuhan kompetensi yang menyeluruh merangkumi pelbagai lapisan pegawai. Usaha ini hendaklah disokong oleh penstrukturan semula organisasi yang responsif, dinamik dan selaras dengan keperluan serta perubahan semasa jabatan.

Selain itu, jabatan juga perlu memastikan capaian media yang berkesan dan kemudahan infrastruktur teknologi maklumat berada pada tahap optimum, disokong dengan peruntukan kewangan yang mencukupi dan dirancang secara strategik.

STRATEGI 1

MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKUALITI DAN STRUKTUR ORGANISASI DINAMIK

Pembangunan modal insan yang kompeten dan struktur organisasi yang dinamik akan diperkukuh bagi meningkatkan keupayaan organisasi, memperkukuh tadbir urus serta memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, responsif dan berkesan. Pendekatan ini akan menyokong pelaksanaan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam dan memperkukuh peranan Jabatan sebagai peneraju perancangan dan pembangunan negara.

STRATEGI 2

MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN PENGEKALAN BAKAT

Pembangunan kompetensi dan pengekalan bakat secara berterusan untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan kecekapan warga kerja agar lebih berdaya saing bagi memastikan bakat yang berpotensi tinggi terus kekal, berkembang dan menyumbang secara berkesan kepada organisasi.

STRATEGI 3

MEMPERKASAKAN INFRASTRUKTUR ICT DAN TRANSFORMASI DIGITAL JABATAN

Penaiktarafan infrastruktur ICT dilaksanakan secara berterusan selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan bagi membudayakan penggunaan teknologi digital terkini secara menyeluruh dalam organisasi. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan, memperkukuh tadbir urus digital serta menyokong pelaksanaan fungsi jabatan yang lebih cekap, bersepadu dan responsif.

STRATEGI 4

MEMPERKUKUH INTEGRITI DAN TATAKELOLA

Pemantauan berterusan terhadap Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) dan semakan semula secara berkala dilaksanakan bagi memastikan tahap integriti pegawai sentiasa berada pada tahap tertinggi. Usaha ini diperkukuhkan melalui penglibatan aktif pegawai dalam program pengukuhan integriti dan antirasuah yang dijalankan secara berterusan.

STRATEGI 5

MEMPERKUKUH TATACARA DAN PROSEDUR KEWANGAN

Prosedur dan tatacara kewangan jabatan hendaklah sentiasa mematuhi prinsip pengurusan kewangan yang berhemah dan berakauntabiliti, selaras dengan Arahan Perbendaharaan serta garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan.

STRATEGI 6

MENINGKATKAN VISIBILITI JABATAN DAN PROMOSI PERANCANGAN

Liputan media yang komprehensif merupakan medium strategik untuk memperluas penyampaian maklumat berkaitan aspek perancangan, sekali gus meningkatkan visibiliti jabatan dalam kalangan pemegang taruh dan orang awam. Usaha ini dapat meningkatkan kesedaran terhadap peranan dan sumbangan jabatan dalam memacu pembangunan negara yang mampan, inklusif dan berdaya huni.

Teras 5

Memperkukuh Pembangunan Kapasiti Organisasi dan Tadbir Urus Ke Arah Menjayakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam



S1: Mengukuhkan Pembangunan Modal Insan Berkualiti dan Struktur Organisasi Dinamik

- T5–S1–P1 Memperkasakan Organisasi Jabatan sebagai Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan Negara melalui Penstrukturan Semula
- T5–S1–P2 Melaksanakan Dasar Pusingan Kerja Kakitangan Jabatan bagi Peningkatan Kompetensi dan Perkembangan Kerjaya Kakitangan Jabatan

S2: Memperkasakan Pembangunan Kompetensi dan Pengekalan Bakat

- T5–S2–P1 Mewujudkan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus bagi Pegawai Perancang Bandar dan Desa
- T5–S2–P2 Melaksanakan Program Bimbingan Pentauliahan PhD dan Sarjana - *Level Up Education Program* (LEUP)
- T5–S2–P3 Menggalakkan Pentauliahan Kepakaran PhD/Sarjana
- T5–S2–P4 Melaksanakan Pelan Tindakan Inovasi dan KIK Jabatan 2030 (PeTINDAK PLANMalaysia 2030)
- T5–S2–P5 Memperkaya Ilmu Pengetahuan dan Perkongsian Amalan Perancangan Terbaik melalui Inisiatif Penempatan Pegawai di Kementerian, Jabatan dan Agensi Luar
- T5–S2–P6 Meningkatkan Jumlah Pegawai sebagai Perancang Bandar Berdaftar (TPr)

S3: Memperkasakan Infrastruktur ICT dan Transformasi Digital Jabatan

- T5–S3–P1 Menaik Taraf Infrastruktur ICT (Kelengkapan Perkakasan dan Perisian)
- T5–S3–P2 Melaksanakan Program Pelan Strategik Pendigitalan 2026-2030

S4: Memperkukuh Integriti dan Tatakelola

- T5–S4–P1 Melaksanakan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)
- T5–S4–P2 Melaksanakan Program Pengukuhan terhadap Etika Perjawatan Awam

S5: Memperkukuh Tatacara dan Prosedur Kewangan

- T5–S5–P1 Melaksanakan Kursus Pendedahan terhadap Prosedur / Tatacara Kewangan yang Berkuat Kuasa

S6: Meningkatkan Visibiliti Jabatan dan Promosi Perancangan

- T5–S6–P1 Memperkasakan Hebahan Maklumat melalui Penerbitan *The PLANMalaysia Magazine* dan *Malaysia Townplan Journal*
- T5–S6–P2 Memperkasakan Visibiliti dan Perancangan Komunikasi Strategik Jabatan
- T5–S6–P3 Memperkasakan Kedudukan Media Sosial PLANMalaysia

5 PELAN TINDAKAN

TERAS STRATEGIK 5
MEMPERKUKUH PEMBANGUNAN KAPASITI ORGANISASI DAN TADBIR URUS KE ARAH MENJAYAKAN AGENDA REFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

STRATEGI 1:
MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKUALITI DAN STRUKTUR ORGANISASI DINAMIK

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S1-P1 **Memperkasakan Organisasi Jabatan sebagai Peneraju Agenda Perancangan Pembangunan Negara melalui Penstrukturan Semula**	Bilangan Kertas Cadangan	Satu (1) Kertas Cadangan Penstrukturan Semula Organisasi Jabatan dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk Kelulusan	2026-2030	BKP (SSM)
T5-S1-P2 **Melaksanakan Dasar Pusingan Kerja Kakitangan Jabatan bagi Peningkatan Kompetensi dan Perkembangan Kerjaya Kakitangan Jabatan**	Bilangan Laporan	Satu (1) Laporan Pelaksanaan Dasar Pertukaran dan Petempatan PLANMalaysia/ Tahun	2026-2030	BKP (SSM)

STRATEGI 2
MEMPERKASAKAN PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN PENGEKALAN BAKAT

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S2-P1 Mewujudkan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus bagi Pegawai Perancang Bandar dan Desa	Bilangan Kertas Cadangan	Satu (1) Kertas Cadangan Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (SME *Planning Support System*, SME Bandar Pintar, SME SIA dan SME Geobencana) Dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk Kelulusan	2026-2030	BKP (SSM)
T5-S2-P2 Melaksanakan Program Bimbingan Pentauliahan PhD dan Sarjana - *Level Up Education Program* (LEUP)	Bilangan Program	Satu (1) Program Bimbingan Pentauliahan PhD dan Sarjana/ Tahun	2026-2030	BKP (SSM)
T5-S2-P3 Menggalakkan Pentauliahan Kepakaran PhD/Sarjana	Pentauliahan Kepakaran PhD/ Sarjana	28% pegawai memiliki PhD/Sarjana dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BKP (SSM)
T5-S2-P4 Melaksanakan Pelan Tindakan Inovasi dan KIK Jabatan 2030 (PeTINDAK PLANMalaysia 2030)	Peratus Pelaksanaan Program	100% Pelaksanaan Program dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BK

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S2-P5 **Memperkaya Ilmu Pengetahuan dan Perkongsian Amalan Perancangan Terbaik melalui Inisiatif Penempatan Pegawai di Kementerian, Jabatan dan Agensi Luar (Kader, Peminjaman, Pertukaran Sementara atau *Cross Fertilization*)**	Bilangan Program	Satu (1) Program / Tahun	2026-2030	BKP (SSM)
T5-S2-P6 **Meningkatkan Jumlah Pegawai sebagai Perancang Bandar Berdaftar (TPr)**	Peratus Pegawai Perancang Bandar Berdaftar	20% Pegawai Perancang Bandar Berdaftar dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BK

STRATEGI 3
MEMPERKASAKAN INFRASTRUKTUR ICT DAN TRANSFORMASI DIGITAL JABATAN

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S3-P1 **Menaik Taraf Infrastruktur ICT (Kelengkapan Perkakasan dan Perisian)**	Bilangan Kajian	Satu (1) Laporan Kajian Hala Tuju Penggunaan Perisian GIS dan Satu (1) Laporan Perancangan Kapasiti Storan	2026-2030	BKP (STM)

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S3-P2 Melaksanakan Program Pelan Strategik Pendigitalan 2026-2030	Peratus Pemantauan Pelaksanaan Program	100% Pelaksanaan Program dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BKP (STM)

STRATEGI 4
MEMPERKUKUH INTEGRITI DAN TATAKELOLA

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S4-P1 Melaksanakan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)	Peratus Pelaksanaan Pemantauan	100% Pelaksanaan Pemantauan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP)/ Tahun	2026-2030	UI
T5-S4-P2 Melaksanakan Program Pengukuhan terhadap Etika Perjawatan Awam	Bilangan Program/ Kursus/ Taklimat	Tiga (3) Program/ Kursus/ Taklimat/ Tahun	2026-2030	UI

STRATEGI 5
MEMPERKUKUH TATACARA DAN PROSEDUR KEWANGAN

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S5-P1 **Melaksanakan Kursus Pendedahan terhadap Prosedur / Tatacara Kewangan yang Berkuat Kuasa**	Bilangan Kursus	Dua (2) Kursus/ Tahun	2026-2030	BKP & UPP

STRATEGI 6
MENINGKATKAN VISIBILITI JABATAN DAN PROMOSI PERANCANGAN

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S6-P1 **Memperkasakan Hebahan Maklumat melalui Penerbitan** **i. The PLANMalaysia Magazine** **ii.Malaysia Townplan Journal**	Bilangan Penerbitan	Satu (1) Penerbitan The PLANMalaysia Magazine/ Tahun Dua (2) Penerbitan Malaysia Townplan Journal dalam Tempoh Lima (5) Tahun	2026-2030	BK BPP

INISIATIF/ PROGRAM	INDIKATOR SASARAN	SASARAN (BILANGAN/ PERATUSAN)	TAHUN/ TEMPOH SASARAN	BAHAGIAN BERTANGGUNGJAWAB
T5-S6-P2 Memperkasakan Visibiliti dan Perancangan Komunikasi Strategik Jabatan	Peratus Peningkatan *Reach*	10% Peningkatan *Reach* Media Jabatan/ Tahun	2026-2030	BK
T5-S6-P3 Memperkasakan Kedudukan Media Sosial PLANMalaysia	*Ranking* Media Sosial	Kedudukan Lima (5) Terbaik di KPKT/ Tahun	2026-2030	BK

MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN



MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

Dalam menggerakkan Pelan Strategik yang telah dirangka ini, mekanisme pelaksanaan dan pemantauan telah ditetapkan seperti berikut :-

1



Pelaporan dan Kelulusan Pelan Tindakan Pelan Strategik Jabatan (PTPSJ)

Pelan Strategik ini dipantau melalui pelaporan Pelan Tindakan Pelan Strategik Jabatan (PTPSJ) secara tahunan. Pelaporan ini perlu disahkan dan diluluskan oleh mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan seperti Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan (JP) atau Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP).

2



Pasukan Petugas Pelan Strategik PLANMalaysia


Pasukan Petugas Pelan Strategik PLANMalaysia, yang diselaraskan oleh Bahagian Korporat, melibatkan penyertaan menyeluruh daripada semua bahagian, pejabat projek, seksyen dan unit. Justeru, setiap entiti di peringkat PLANMalaysia Ibu Pejabat bertanggungjawab sepenuhnya dalam membuat pelaporan dan pengesahan data bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Pelan Strategik ini. Di peringkat PLANMalaysia Negeri pula, tanggungjawab tertumpu kepada penterjemahan program dan inisiatif berkaitan ke dalam Pelan Strategik atau bidang tugas di peringkat negeri masing-masing. Langkah ini penting bagi memastikan peranan PLANMalaysia sebagai peneraju dalam merealisasikan agenda perancangan dan pembangunan negara dapat dicapai secara holistik dan menyeluruh.

PENUTUP



PENUTUP

Pelan Strategik PLANMalaysia 2026–2030 yang telah dikemas kini ini merupakan satu ikhtiar murni untuk meletakkan landasan yang lebih tuntas dalam merencana strategi, hala tuju, serta pengurusan sumber Jabatan secara inklusif. Pelan ini mencerminkan aspirasi PLANMalaysia untuk memperkukuh keupayaan organisasi dalam menghadapi cabaran masa hadapan dengan pendekatan yang terancang, berintegrasi dan berimpak tinggi. Justeru, komitmen padu dan berterusan daripada semua peringkat warga kerja PLANMalaysia amat penting bagi memastikan pelaksanaan setiap inisiatif dan tindakan strategik berjalan seiring dengan matlamat yang digariskan, seterusnya merealisasikan visi dan misi Jabatan ke arah pembangunan fizikal negara yang lestari dan berdaya huni.



Sekalung Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyediakan Pelan Strategik PLANMalaysia 2026-2030. Semoga komitmen yang diberikan menjadi nadi penggerak utama dalam merealisasikan hala tuju Jabatan.

KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning : Beyond Conventional

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PLANMalaysia)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Blok F5, Kompleks F, Presint 1,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62675 PUTRAJAYA, MALAYSIA.

PLANMalaysia
www.planmalaysia.gov.my